



PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDONGAN-NYA

MENGANGKAT SUMPAH [Ruangan 1691]

PEMASHHORAN YANG DI-PERTUA:

Titah Jawapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada
Uchapan Terima kasih [Ruangan 1691]

Memperkenankan Rang Undang² [Ruangan 1692]

Uchapan Ta'ziah [Ruangan 1693]

Mengalu²kan Ahli² Baharu [Ruangan 1693]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 1693]

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 1695]

KENYATAAN MENTERI MENGENAI PERUSAHAAN GETAH [Ruangan 1739]

RANG UNDANG² DI-BAWA KA-DALAM MESIUARAT [Ruangan 1751]

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Perihal Dagangan [Ruangan 1755]

Rang Undang² Peguambela dan Peguamchara (Pindaan) [Ruangan 1794]

KANDONGAN-NYA—(samb.)

USUL²:

AKTA KASTAM, 1967—

- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10), 1972 [Ruangan 1798]**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11), 1972 [Ruangan 1800]**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12), 1972 [Ruangan 1801]**
- Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 5), 1972 [Ruangan 1802]**
- Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 6), 1972 [Ruangan 1805]**
- Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 7), 1972 [Ruangan 1805]**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13), 1972 [Ruangan 1806]**
- Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 8), 1972 [Ruangan 1807]**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14) 1972 [Ruangan 1808]**
- Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 9), 1972 [Ruangan 1810]**
- Waktu Meshuarat dan Urusan Yang di-Bebaskan daripada Peratoran Meshuarat [Ruangan 1789]**

UCHAPAN² PENANGGOHAN—

- Rumah² (Quarters) (Pekerja² Keretapi di-Jalan Bungsar) [Ruangan 1811]**
- Tangga-gaji Jurutera²—Menyusun sa-mula [Ruangan 1814]**

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Selasa, 8hb Ogos, 1972

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang.

YANG HADHIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

„ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K. (Pontian Utara).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).

„ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).

„ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).

„ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).

„ Menteri Kebajikan 'Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

„ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).

„ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).

Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).

- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATO' WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).

Yang Berhormat DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).

- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (LIMBANG-LAWAS).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DATO' KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ DATO' PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).

Yang Berhormat TUAN LUHAT WAN (Baram).

- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).

- Yang Berhormat TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATO' JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).

YANG TIADA HADHIR:

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Tugas² Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K.
(Di-lantek).

„ Menteri Tugas² Khas, DR LIM KENG YAIK (Di-lantek).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli² Yang Berhormat yang tersebut di-bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang di-sebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan Michael Chen Wing Sum.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim.

PEMASHHORAN YANG DI-
PERTUATITAH JAWAPAN D.Y.M.M. SERI
PADUKA BAGINDA YANG DI-
PERTUAN AGONG KAPADA
UCHAPAN TERIMA KASEH

Tuan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, yang akan saya bachakan sekarang.

“Istana Negara

Qauluhul Hak

Warkah al-ikhlas wal-muhibbah ia-itu daripada Beta Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-marhum Sultan Badli Shah, Yang di-Pertuan Agong Malaysia.

Mudah²an barang di-wasalkan oleh Tuhan Rabbul 'alamin ka-Majlis Yang Berhormat Dato' Bendahara Chik Mohamed Yusuf bin Sheikh Abdul Rahman, S.P.M.P., J.P., Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat Malaysia, yang ada beristirehat al-khair pada masa ini di-Bandaraya Kuala Lumpur, dengan beberapa selamat dan kesejahteraan-nya.

Ada pun kemudian daripada itu Beta mema'alumkan bahawa surat Dato' bertarikh 17hb Mei tahun 1972 kerana

menyampaikan ketetapan ucapan terima kaseh Majlis Dewan Ra'ayat Malaysia, kerana Titah Uchapan Beta pada masa membuka Penggal Yang Kedua Majlis Parlimen Yang Ketiga yang lalu. Beta meminta kelapangan Dato' apa-lah kiranya Dato' menyampaikan terima kaseh Beta kepada sakalian Ahli² Majlis Dewan Ra'ayat Malaysia kerana membuat ketetapan tersebut, dan jua di-atas perasaan yang tulus ikhlas yang telah di-tunjokkan kepada Beta itu akan di-kandongkan di-dalam ingatan Beta sa-lama²-nya.

Sekian-lah sahaja Beta ma'alumkan serta di-sudahi dengan salam juga ada-nya.

Termaktub pada 20hb Mei, tahun 1972.”

MEMPERKENANKAN RANG
UNDANG²

Tuan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu ia-itu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta² yang telah di-luluskan oleh Dewan Parlimen dalam meshuarat yang lalu. Akta² yang tersebut itu ia-lah seperti berikut:

- (1) Akta Akauntan (Pindaan), 1972;
- (2) Akta Perbekalan Tambahan (1971 dan 1972), 1972;
- (3) Akta Loteri (Pindaan), 1972;
- (4) Akta Pemeliharaan Buku² (Pindaan), 1972;
- (5) Akta Perbandaran (Pindaan), 1972;
- (6) Akta Perpustakaan Negara, 1972;
- (7) Akta Pemegang Pajakgadai, 1972;
- (8) Akta Lembaga Pelabohan (Pindaan) (No. 2), 1972;
- (9) Akta Lalulintas Jalan (Pindaan) (No. 2), 1972;
- (10) Akta Mahkamah (Pindaan), 1972;

- (11) Akta Mahkamah Keadilan (Pindaan), 1972;
- (12) Akta Probet dan Pentadbiran (Pindaan dan Perluasan), 1972;
- (13) Akta (Pembahagian) Harta Pesaka Kechil (Pindaan dan Perluasan), 1972;
- (14) Akta Pendaftaran Jurutera (Pindaan), 1972;
- (15) Akta Pendaftaran Jurukor (Pindaan), 1972;
- (16) Akta Akitek (Pindaan), 1972;
- (17) Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan), 1972;
- (18) Akta Perusahaan Nenas (Pindaan), 1972; dan
- (19) Akta Jualan Makanan dan Dadah (Pindaan), 1972.

UCHAPAN TA'ZIAH

Tuan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, dengan perasaan yang sedeh saya ma'alumkan ia-itu kita sa-kali lagi telah kehilangan sa-orang Ahli dengan kematian Allah Yarham Yang Berhormat Dr Sulaiman bin Mohd. Attas tidak berapa lama dahulu. Bagi pehak Parlimen, saya telah pun menghantarkan surat ta'ziah kepada keluarga Allah Yarham itu. Mari-lah kita berdoa ka-hadzrat Allah Subhanahu wata'ala mudah²an di-chuchuri rahmat ka-atas roh-nya dan di-himpunkan ka-dalam kumpulan Ahli² Sunnah Waljamaah. Dan sa-bagai mengenangkan jasa² Allah Yarham itu mari-lah kita bersama bangun bertafakkur sa-bentar.

(Ahli² bertafakkur sa-lama sa-minit)

MENGALU²KAN AHLI² BAHARU

Tuan Yang di-Pertua: Bagi pehak Ahli² Yang Berhormat sakalian, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada kedua orang Ahli baharu yang telah mengangkat sumpah dalam Dewan ini sa-bentar tadi dan berharap semoga mereka dapat memberi sumbangan yang berfaedah kepada Dewan ini dan kepada Negara sa-terus-nya.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, saya telah menerima suatu Perutusan daripada Dewan Negara yang

menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang² yang telah di-serahkan oleh Dewan Ra'ayat tempoh hari.

Saya jemput Setiausaha membachakan Perutusan itu.

(Setiausaha membachakan Perutusan)

“Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Negara telah mempersetujuan Rang Undang² yang berikut tanpa pindaan:

- (1) Rang Undang² Akauntan (Pindaan);
- (2) Rang Undang² Perbekalan Tambahan (1971 dan 1972);
- (3) Rang Undang² Loteri (Pindaan);
- (4) Rang Undang² Pemeliharaan Buku² (Pindaan);
- (5) Rang Undang² Perbandaran (Pindaan);
- (6) Rang Undang² Perpustakaan Negara;
- (7) Rang Undang² Pemegang Pajak-gadai;
- (8) Rang Undang² Lembaga Pelabohan (Pindaan) (No. 2);
- (9) Rang Undang² Lalulintas Jalan (Pindaan) (No. 2);
- (10) Rang Undang² Mahkamah (Pindaan);
- (11) Rang Undang² Mahkamah Keadilan (Pindaan);
- (12) Rang Undang² Probet dan Pentadbiran (Pindaan dan Perluasan);
- (13) Rang Undang² (Pembahagian) Harta Pesaka Kechil (Pindaan dan Perluasan);
- (14) Rang Undang² Pendaftaran Jurutera (Pindaan);
- (15) Rang Undang² Pendaftaran Jurukor (Pindaan);
- (16) Rang Undang² Akitek (Pindaan);
- (17) Rang Undang² Kanun Tanah Negara (Pindaan);
- (18) Rang Undang² Perusahaan Nenas (Pindaan); dan
- (19) Rang Undang² Jualan Makanan dan Dadah (Pindaan).

Tandatangan :

Yang di-Pertua
Dewan Negara.”

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

PENGUNAAN TANAH KEBANG- SAAN—MENGADAKAN UNDANG²

1. Tuan Fan Yew Teng minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan menimbang dengan sirius hendak meminda Perlembagaan Persekutuan untuk memberi kuasa yang lebih kepada Kerajaan Pusat mengenai perkara² tanah supaya membolehkan ia:

- (a) mengadakan undang² untuk dasar penggunaan tanah kebangsaan di-selaras-kan;
- (b) membawa reformasi tanah yang radikal dengan memberhentikan pemecahan tanah pertanian sa-lanjut-nya; dan
- (c) memulakan pembahagian dan pembahagian sa-mula tanah sa-chara besar²an kepada ra'ayat Malaysia yang memerlukan dan yang tidak bertanah berdasarkan di-atas prinsip "Tanah untuk mereka yang mengerjakan-nya."

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tidak-lah penting atau perlu untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi tujuan yang seperti itu. Dengan ada-nya Majlis Tanah Negara atau National Land Council mengikut Perkara 91, Perlembagaan Persekutuan ada-lah menchukupi untuk menyelaraskan dasar² mengenai penggunaan tanah pada umum-nya. Tambahan pula "Land Capability" dan "Land Use Survey" telah di-jalankan di-seluruh Malaysia Barat. Perlaksanaan-nya sedang di-jalankan oleh Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan² Negeri.
- (b) Sekshen 136 (c) (3) Kanun Tanah Negara atau National Land Code memberi kuasa kepada pihak berkuasa Negeri untuk mengawal permohonan pechah sempadan bagi kawasan² tanah ladang² yang luas lebih daripada 100 ekar. Bagitu juga Sekshen 136 (4) juga memberi kuasa

untuk mengawal permohonan² pechah sempadan supaya tanah keluasan-nya tidak kurang dari satu ekar. Selain dari itu sekshen 214A National Land Code juga memberi kuasa untuk mengawal sa-suatu kawasan estate yang luas-nya tidak kurang dari 500 ekar dari ditukar hak milek-nya. Peruntukan² di-dalam Kanun Tanah Negara ini ada-lah di-yakini menchukupi untuk mengawal pemecahan tanah² yang luas tanpa meminda Perlembagaan.

- (c) Pembahagian dan juga pembahagian sa-mula dan distribution atau redistribution tanah dengan chara besar²an tidak-lah perlu di-jalankan kerana sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat ma'alum, Kerajaan Persekutuan melalui berbagai² badan (Agencies) seperti FELDA, LPPTN dan Ranchangan² Tanah yang di-kekelolakan oleh Kerajaan² Negeri sedang melaksanakan projek² Pembangunan Tanah untuk memberi tanah kepada ra'ayat yang tidak mempunyai tanah atau mempunyai tanah yang tidak luas-nya.

Tuan Fan Yew Teng: (Dengan izin) Is the Honourable Prime Minister aware that according to the 1960 Agricultural Census, there are tens of thousands of Malay padi holdings which range from 2 to 3 acres, 3 to 4 acres and 4 to 5 acres, which are clearly uneconomical holdings and which are largely responsible for Malay poverty?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mengetahui kedudukan ini dengan sebab itu-lah seperti saya kata tadi langkah² telah di-ambil dan sedang di-ambil untuk membaiki keadaan ini.

Tuan Lim Kit Siang: (Dengan izin) Is the Honourable Prime Minister aware that despite the existence of the National Land Council, this could not put a stop to the very inordinate delays in the question of issuing of grants and all that, causing a lot of hardship and difficulties? I know of a case where a person who has a piece of land of 8 acres, was required to give up 3 acres to the Government 20 years ago under compulsory acquisition for the building of a new village and this person had to send back the grant for alteration. For 10 years she has been trying to get a new grant, but she could not

get it. She is now about 80 years old, about to die, and she could not sell, transfer or dispose of the land. I think this is typical of the situation of land administration in this country, and a more co-ordinated land policy will be able to give more efficiency to its implementation.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat sedar bahawa ada kelambatan di-setengah² tempat berkenaan dengan Land Administration. Perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu bukan land policy—ini land administration dan langkah² telah di-ambil juga dengan kerjasama Kerajaan Negeri supaya penadbiran tanah itu dapat di-lichinkan dan kerja² dapat di-jalankan dengan lebih segera dan lebih pantas lagi.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Sir, the National Land Council has been established to co-ordinate the whole question of land utilisation in Malaysia and Article 91 of the Constitution requires, Sir, that the National Land Council should meet at least once a year, preferably more often, in order to co-ordinate all land matters in this country. But, Sir, for the last 12 months we have not heard very much about the activities of the National Land Council, and I would like to ask the Honourable Prime Minister whether the Council has met, and if so, whether any major decisions have been taken for the last 12 months.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, National Land Council ada mengadakan meshuarat tahun ini, tetapi tidak-lah mustahak yang National Land Council itu mengishtiharkan apa yang telah di-buat dan Council bermeshuarat dengan chara senyap dan kerja² telah di-jalankan.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) Sir, the Prime Minister just now made reference that this is an administrative matter. As far as land administration is concerned, is the Prime Minister aware that there is considerable delay in the issuing of land titles in the various District Offices? Is he also aware that many of the District Officers are not functioning and many of them are in the Genting Highlands during day time and office hours?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab perkara itu tadi.

Dr Tan Chee Khoon: (*Dengan izin*) Sir, the question that I seek to ask the Prime Minister is, is he aware that absentee landlordism is rampant in this country; if so, will the Central Government make use of the National Land Code to acquire land from the absentee landlords and give it to the tiller of the soil?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju bahawa absentee landlords di-negeri ini ada rampant, tetapi ada di-dapati di-satengah² negeri dan langkah² sedang di-ambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerangkan apa-kah langkah² yang telah di-ambil oleh Kerajaan Pusat atau oleh Kerajaan Negeri masing² untuk menghapuskan atau mengurangkan masalah absentee landlordism di-tanah ayer kita?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak di-terangkan semua-nya ini, boleh jadi kita debate atas hal ini. Saya hanya boleh menjawab soalan yang di-datangkan oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Fan Yew Teng tadi dan saya tidak dapat hendak menjawab soalan² yang lain.

Tuan Lim Cho Hock: (*Dengan izin*) Is the Honourable the Prime Minister aware that the fragmentation of land has come about as a result of the law of succession? That is to say that if a land-owner dies, he may have 10 or 20 beneficiaries and according to the law of succession, the 10 or 20 beneficiaries have got a share in the land. Once this piece of land is given to the 10 or 20 beneficiaries, the land somehow or other is fragmented and in most of such cases

Tuan Yang di-Pertua: Would you ask your supplementary question?

Tuan Lim Cho Hock: Sir, the question is, would the Prime Minister consider amending the law of succession so that land will not be fragmented in such a way.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak ada kena-mengena dengan soalan yang asal.

Dr Chen Man Hin: (*Dengan izin*) In the matter of land policy, Mr Prime Minister,

may we know whether this Government is in favour of land for the tillers and land for the smallholders—the small people—or is it in favour of giving land to towkays and tycoons. As we know, there are instances where thousands of acres have been given to one individual or one company. What then is the policy of the Government in this matter?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kita menjalankan dua dasar, ia-itu yang pertama sa-kali kita mengutamakan memberi tanah kepada orang yang tidak ada tanah, orang yang miskin, orang yang mempunyai tanah yang luas-nya sangat sedikit. Ini kita jalankan melalui badan² yang telah saya sebutkan tadi dan untuk kemajuan negara kita ada memberi tanah kepada pehak² swasta di-tempat² yang ada bekalan tanah untuk mereka itu bertanam barang² keluaran yang boleh mendatangkan hasil kepada negara untuk kita hendak menjalankan pembangunan di-negara kita.

UNDANG² PENCHEN—JAWATAN-KUASA MENYEMAK SA-MULA

2. Dr Tan Chee Khoo minta Perdana Menteri menyatakan butir² lanjut mengenai Jawatan-kuasa Khas yang telah di-bentok bagi menyemak sa-mula Undang² Penchen, dan siapa-kah anggota² Jawatan-kuasa Khas tersebut, dan bila-kah Jawatan-kuasa ini akan menamatkan tugas-nya.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kabinet telah pun melantek sa-buah Jawatan-kuasa Khas bagi mengkaji faedah² persaraan (Pension Ordinance) dalam Perkhidmatan Awam dan juga Badan² Berkanun dengan di-beri tugas seperti berikut:

- (a) mengkaji dan mengeshor dasar² yang patut menakloki faedah² persaraan pegawai² dalam Perkhidmatan Awam sa-bagaimana termaktub dalam Fasal 132, Perlembagaan Malaysia (sa-lain daripada Angkatan Tentera dan juga Kehakiman) dan pegawai² dalam Badan² Berkanun;
- (b) mengkaji dan mengeshor, dari segi dasar² tersebut, perubahan² yang perlu;
- (c) mengkaji sa-mula kadar penchen dan elaun bersara yang di-bayar kepada pesara² yang ada sekarang ini;

(d) dalam mengemukakan shor² Jawatan-kuasa di-kehendaki mengambil perhatian tentang keadaan kewangan dan ekonomi negara pada keseluruhan-nya.

Jawatan-kuasa ini ada-lah di-pengerusikan oleh Tan Sri Syed Zahiruddin dan Ahli² yang lain ada-lah terdiri daripada Setiausaha Rendah Perbendaharaan, Akchuari Kerajaan dan sa-orang Akauntan. Jawatan-kuasa ini telah pun di-arahkan bagi menyiapkan laporan-nya pada akhir tahun ini.

Dr Tan Chee Khoo: (*Dengan izin*) Is the Honourable Prime Minister aware that for almost two decades the pensioners in this country have asked that there should be an adjustment to their pensions in line with the rise in cost of living in this country? If so, will the Government, when it receives the report of this Special Committee to consider pensions in this country, consider, among other things, that full pension rights should be restored to these pensioners in line with what has taken place in other countries—for example, Ceylon, Singapore and elsewhere?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab hendak membaiki keadaan pensioner dan hendak menolong mereka itu kita telah melantek Jawatan-kuasa ini dan Jawatan-kuasa telah di-arahkan, ia-itu perkara yang berkaitan dengan elaun dan juga penchen bagi pensioner yang ada sekarang ini hendak-lah di-beri timbangan yang utama supaya kita dapat melaksanakan perkara ini dengan sa-berapa segera yang boleh.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu kepada Dewan ini, sa-lepas Jawatan-kuasa Khas ini memberi laporan kepada Kerajaan Pusat, Kerajaan Pusat jika perlu boleh membawa Rang Undang² ka-Dewan ini supaya kami boleh melaksanakan chadangan² atau shor² yang di-beri oleh Jawatan-kuasa Khas itu dan jangan-lah dia membuang masa?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak membuang masa, tetapi kalau di-bawa ka-sini barangkali juga membuang masa sedikit. (*Ketawa*) Jadi, kalau kita terpaksa meminda Undang² tentu-lah mustahak di-bawa ka-Dewan ini, tetapi kalau hendak bayar tambahan elaun atau penchen, barangkali kita akan jalankan dengan serta-merta.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Sir, an article dated the 8th of May, 1972 in the *Malay Mail* reported the case of the wife of an ex-servicemen. The soldier had died two years ago. She has got six children and up to today she has not been able to obtain the necessary pension for herself and her six children. The question which I would like to ask the Honourable Prime Minister, Sir, is whether the Government would consider incorporating into the new Pensions Ordinance a provision which would enable wives of ex-servicemen to be eligible for pensions regardless of how their husbands had died as long as they died while they were in service, whether that be by natural illness or other causes. I think this is essential, Sir, in view of the services rendered to the country by the Army.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Ahli Yang Berhormat sa-belum bertanya atas perkara ini, bacha dahulu Undang² sama ada betul atau tidak atas perkara ini.

Berkenaan dengan penchen bekas perajurit, itu ada berlainan—tidak ada kenamengena dengan Pension Ordinance dan ada Undang² yang memberi mereka itu penchen dan sara hidup, jikalau suami-nya mati dan apa chara jua pun menurut peratoran yang ada sekarang.

SURAT² DARI RA'AYAT—JAWAPAN

3. Tuan Mustapha bin Hussain minta Perdana Menteri menyatakan ada-kah menjadi dasar baru Kerajaan bahawa Menteri² bukan sahaja tidak akan menjawab surat² yang di-terima daripada ra'ayat tetapi juga tidak akan menghantar kad² akuan penerimaan-nya.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, soalan dari Ahli Yang Berhormat ini ada-lah saya fikir kurang jelas. Saya rasa terpulang-lah kepada Menteri² menentukan sama ada surat² tidak rasmi yang datang daripada orang ramai itu patut di-jawab atau tidak, atau pun mustahak di-ambil langkah serta merta atau pun di-ambil langkah dan di-beri jawapan kepada mereka itu.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Berhubong dengan soal menjawab surat² ini, adakah Jabatan Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri kita telah mengeluarkan satu arahan supaya Menteri² dan juga Jabatan² Kerajaan menjawab surat dengan Bahasa Kebangsaan. Kira-nya Jabatan itu engkar, ada-kah di-sifatkan dia telah menyalahgunakan tata-tertib dalam arahan ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ada-lah menjadi peratoran ia-itu surat² mesti-lah di-jawab sekarang ini dalam Bahasa Kebangsaan.

Dr Tan Chee Khoo: (*Dengan izin*) Is the Honourable Prime Minister aware that not only do letters from the public to Ministers and Civil servants do not get replied but even letters from Members of Parliament in the National language do not even rate an acknowledgement from the officials concerned. If so, will he issue a directive that the least that a Civil servant or a Minister can do would be to acknowledge the letters received from Members of Parliament written in the National language?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi, kalau surat itu mustahak di-jawab akan di-jawab. Kalau mana² surat² yang ta' mustahak di-jawab itu tentu-lah tidak payah di-jawab. Ini terpulang-lah kepada Menteri² dan Jabatan yang berkenaan. Arahan telah pun di-beri atas hal ini.

Tuan Mustapha bin Hussain: Soalan tambahan. Pada 12hb April, 1972, saya sendiri ada menghantar surat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bolehkah Perdana Menteri beri sebab² kenapa surat itu tidak di-jawab?

Tuan Yang di-Pertua: Surat apa yang di-hantar? (*Ketawa*)

Tuan Mustapha bin Hussain: Saya ada salinan surat, Tuan Yang di-Pertua.

Perdana Menteri: Saya menerima beribu² surat sa-hari. Saya sendiri tentu-lah tidak dapat hendak membacha semua surat² itu. Jadi, kalau surat itu mustahak tentu-lah di-beri jawapan, tetapi harus barangkali surat itu berkaitan dengan benda yang tidak begitu mustahak. (*Ketawa*)

HUBONGAN DIPLOMATIK DENGAN BANGLADESH—MENUBOHKAN

4. **Dr S. Seevaratnam** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (i) sama ada Kerajaan telah menubuhkan hubungan diplomatik dengan Bangladesh;
- (ii) sebab² kelambatan penubuhan hubungan diplomatik dengan Bangladesh; dan
- (iii) siapa-kah yang akan menjadi Pesuruhjaya Tinggi atau Duta Malaysia ka-Bangladesh.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Kerajaan telah membuat keputusan untuk menubuhkan perwakilan diplomatik di-Bangladesh, yang akan di-buka pada bulan September yang akan datang.
- (ii) Tidak-kah ada kelewatan bagi penubuhan perwakilan kita di-Bangladesh tetapi persiapan bagi penubuhan perwakilan tersebut melibatkan hal² pentadbiran termasuk-lah mendapatkan kaki-tangan² yang sesuai.
- (iii) Kerajaan telah melantek sa-orang pegawai kerja atau Pegawai Pentadbir dalam Kementerian Luar Negeri sa-bagai Pesuruhjaya Tinggi ka-Bangladesh dan nama-nya sedang di-utuskan ka-Dacca untuk mendapat persetujuan Kerajaan Bangladesh.

Tuan Lim Kit Siang: (*Dengan izin*) In view of the decision to have diplomatic relationship with Bangladesh, will the Government consider doing Bangladesh a diplomatic favour, for instance, by supporting or even sponsoring Bangladesh's participation in the Non-aligned Conference and subsequently admission to the United Nations?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini soal lain. Soalan itu ada di-kemudian-nya berkenaan dengan United Nations.

ANGKATAN LAUT SOVIET DI LAUTAN HINDI

5. **Tuan Chan Fu King** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sikap Kerajaan Malaysia terhadap kehadiran kapal² angkatan tentera laut Russia dengan giat-nya di-Lautan Hindi, dan sama ada Kerajaan

menganggap ini sa-bagai suatu ancaman kepada konsep Pengechualian Asia Tenggara.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mematohi Deklerasi Persidangan Agong Bangsa² Bersatu ia-itu Lautan Hindi di-jadikan kawasan keamanan, bebas dari pertelingkahan dan permusuhan kuasa Besar. Sa-panjang yang kita ketahui, adanya angkatan laut Soviet di-Lautan Hindi tidak-lah merupakan satu ancaman terhadap pengechualian Asia Tenggara.

REPUBLIK BANGLADESH KA-BANGSA² BERSATU—KEAHLIAN

6. **Tuan V. David** bertanya kepada Menteri Luar Negeri sama ada Malaysia akan menganjorkan keahlian Republik Bangladesh ka-Bangsa² Bersatu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sa-kira-nya Bangladesh ingin hendak menjadi ahli Bangsa² Bersatu, Malaysia dengan senang hati bersedia untuk memberi sokongan dan jika di-kehendaki akan bersama² menganjorkan keahlian-nya kepada Badan yang tersebut.

PERAS-UGUT NELAYAN² DI SELAT MELAKA

7. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (i) sama ada beliau sedar akan bertambah-nya berlaku gangguan dan peras-ugut terhadap nelayan² Malaysia di-Selat Melaka oleh lanun² yang bersenjata yang menahan jaring, alat² menangkap ikan dan barang² lain kepunyaan nelayan² Malaysia, sehingga mereka membayar wang tebusan yang banyak;
- (ii) sama ada beliau sedar akan rayuan yang di-buat berulang kali oleh nelayan² Malaysia ini kepada Kerajaan bagi mendapatkan perlindungan menentang lanun² itu telah tidak di-ambil indah dan tidak di-pedulikan mengakibatkan, nelayan² Malaysia terpaksa berada di-tepi pantai kerana mereka takut bertemu dengan lanun² yang bersenjata itu yang mengakibatkan kehilangan mata penchar'an dan menambahkan kesusahan² mereka;

- (iii) langkah² yang telah di-ambil oleh Kerajaan untuk melindungi hak, nyawa dan harta benda nelayan² Malaysia di-Selat Melaka daripada lanun²;
- (iv) menyatakan sama ada Kerajaan telah membincangkan perkara ini dengan Kerajaan Indonesia, sama ada melalui Duta kita ka-Indonesia atau pun melalui saloran² rasmi yang lain, untuk memberhentikan gangguan dan peras-ugut seperti ini terhadap nelayan² Malaysia; dan
- (v) langkah² positif yang Kerajaan hendak ambil terutama-nya di-perengkat Kerajaan dengan Kerajaan Indonesia untuk menghapuskan sama sa-kali kejadian² seperti itu di-Selat Melaka.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) saya sedar atas perkara yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat di-dalam soalan yang pertama itu tetapi saya suka menyatakan bahawa mengikut pengangkaan yang di-laporkan kepada pihak Polis kejadian² itu tidak-lah bertambah. Untok ma'aluman Ahli Yang Berhormat itu dalam tahun 1971 ada 14 kejadian² sa-umpama itu dan dalam tempoh 1-1-72 hingga 30-6-72 ada 7 sahaja kejadian² tersebut;
- (ii) Jawapan kepada soalan yang kedua itu tidak benar;
- (iii) Jawapan kepada soalan yang ketiga ia-lah langkah² yang perlu telah di-ambil untuk menyelaraskan perondaan yang di-jalankan oleh Jabatan Perikanan bagi menguatkuasakan Undang² Pelesenan Penangkapan Ikan di-persisiran pantai dan rondaan oleh Polis Laut bagi menjaga keamanan dan ketenteraman dengan rondaan keselamatan dan pertahanan oleh Tentera Laut di-Raja Malaysia termasuk dalam kawasan perayeran antara-bangsa yang lebih dari 12 batu dari pantai. Perondaan laut sa-bagai yang tersebut itu di-bantu pula oleh perondaan dengan kapal terbang oleh Tentera Udara di-Raja Malaysia. Penyesuaian dalam sistem perondaan yang tersebut itu sekarang meliputi Selat Melaka;

(iv) Bagi menjawab soalan yang keempat, saya suka menyatakan bahawa perkara itu telah di-bincangkan di-dalam Meshuarat yang pertama Jawatan-kuasa 'Am Sempadan Malaysia/Indonesia pada 24hb dan 25hb Julai, 1972 di-Prapat, Sumatra;

(v) Bagi menjawab soalan kelima langkah² yang positif telah di-ambil oleh Kerajaan untuk menubuhkan satu Jawatan-kuasa yang di-gelar Regional Border Committee West Malaysia/Indonesia yang di-antara lain² perkara telah di-tugaskan untuk mengkaji masalah ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Dengan izin. Can the Honourable Minister agree that the statistics he has given about the reported number of incidents

Tuan Yang di-Pertua: Are you taking it for granted that you may speak in English?

Tuan Lim Kit Siang: I have already asked "dengan izin" but probably it was a bit soft. (*Dengan izin*) Sir, can the Honourable Minister agree that the statistics he has given about the incidence of piracy does not reflect the true number of cases, mainly because in the past all those fishermen who have become victims of piracy in the high seas have not been able, when they made reports, to get any redress; and, on the other hand, instead of getting redress, they were actually scolded and reprimanded for putting the Marine Police into all sorts of trouble. They had to suffer a lot of difficulties and a lot of time was wasted and this has discouraged many fishermen from making complaints. Would he look into this matter?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, boleh jadi apa yang di-kata oleh Ahli Yang Berhormat itu berlaku, tetapi bagi sa-orang Menteri dalam Kerajaan yang memerintah, kita akan mengambil ma'alumat yang di-beri kepada kita yang di-sahkan dan tidak boleh-lah kita hendak meneka² perkara itu berlaku atau tidak, kerana kita ada-lah bertanggung-jawab. Bukan-lah sa-bagai sa-orang Ahli Opposition yang boleh membuat apa² kenyataan sahaja dengan tidak bertanggung-jawab.

Tuan Lim Kit Siang: I will give an instance. For instance, only recently 61 fishermen from Pangkor Island who fell victims of piracy at Pulau Jarak have now been told by the Marine Police not to go to Pulau Jarak to fish where fish is plentiful when Pulau Jarak is in international waters. So I think this is an indication that instead of getting assistance, they are getting reprimands, getting obstructions. Can the Minister clarify this?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Saya tidak mengerti Ahli Yang Berhormat itu bertanya dari satu tempat meleret ka-satu tempat bagaimana juga Ahli² dalam parti dia. Yang dia bertanya saya tadi berkenaan dengan statistik. Ini pula dia membangkitkan soal yang specific. Kalau soal yang specific itu di-berikan kepada saya, boleh-lah saya kaji dengan sa-halus²-nya. Saya ini bukan ahli nujum, chuma manusia biasa sahaja. Boleh-lah saya pereksa, kalau apa yang di-beri kepada saya itu di-beri masa.

Dr Tan Chee Khoo: (*Dengan izin*) Will the Honourable Minister of Home Affairs consider that, in view of the recurring incidents of piracy in the Straits of Malacca, not only having Marine Police but also the Navies of both countries patrolling the Straits of Malacca to prevent acts of piracy in that area?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Apa yang di-chadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah masuk dalam jawapan saya kepada Ahli Yang Berhormat yang mendatangkan soalan ini.

Dr Chen Man Hin: (*Dengan izin*) Sir, in view of the fact that these acts of piracy have caused disruption of the lives of many fishermen and also at times caused an increase in the price of fish in the local market, may I ask whether the Minister of Home Affairs has been informed, in view of the many patrols by the Marine Police and also by the Navy, whether they have pinpointed the hideouts of these highly organised pirates?

Tun Dr Ismail Al-Haj: (*Dengan izin*) If they can be pinpointed, then there will be no piracy! (*Ketawa*)

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Sir, with the announcement by the Government

of Malaysia and the Government of Indonesia that the Straits of Malacca is the sovereign territory of the two countries, would our Government together with the Indonesian Government consider joint patrols along the Straits of Malacca to ensure, firstly, that not only our sovereignty is not infringed upon by outside powers, but also that the pirates who have been marauding our own nationals are also brought to book?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, soal yang asal ia-lah soal berkenaan dengan perikanan, soal menangkap ikan. Ahli Yang Berhormat ini masuk pula soal lain. Jadi atas soal perikanan, sa-bagai saya jawab tadi, kita telah menubuhkan Regional Border Committee West Malaysia/Indonesia. Di-antara lain perkara hendak bertugas untuk mengkaji masalah piracy ini. Jadi itu-lah yang saya bertanggung-jawab kepada Ahli Yang Berhormat ini bagi menjawab soal yang asal dan soal² yang berbangkit berkenaan dengan-nya.

Tuan Lim Kit Siang: Will the Minister state whether the Marine Police has ever received reports from these fishermen, that they have been victims of piracy of uniformed Navy personnel of our neighbouring country; and if so, how many times have these reports been made?

Tun Dr Ismail Al-Haj: If I can quote from Sherlock Holmes, "It is elementary, my dear Watson". (*Ketawa*) If he wants the details, I can give him if he gives me notice; I will consult the Marine Police about this.

PENDAPATAN PESERTA² L.K.T.P.

8. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

(i) sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan peserta² L.K.T.P. tidak mendapat pendapatan bersih sa-banyak \$100 sa-bulan, dan ramai pula yang mendapat kurang daripada angka ini oleh kerana kadar pembayaran balek dan faedah yang tinggi yang di-kenakan oleh L.K.T.P. kepada peneroka² ini; dan

(ii) sama ada Kementerian beliau akan mengulang-kaji sa-mula akan kadar² dan jadual pembayaran balek o'ch

peserta² L.K.T.P. untuk menentukan yang sa-tiap peserta L.K.T.P. akan mendapat pendapatan bersih sa-banyak \$300 sa-bulan sa-bagaimana yang telah di-janjikan oleh Kerajaan.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, sa-bahagian besar peserta² di-ranchangan L.K.T.P. mempunyai pendapatan lebih daripada \$100 sa-bulan walau pun harga getah di-dapati murah pada masa sekarang ini.

Pihak FLDA atau FELDA telah pun mengadakan satu sistem baharu berkenaan dengan pembahagian pendapatan kepada anggota²-nya atau peserta²-nya ia-itu pihak FELDA tidak memotong manakala pendapatan yang kurang daripada \$70 dan pendapatan lebih daripada \$70 itu ada-lah di-bahagi dua. Oleh sebab harga getah pada masa sekarang ini ada-lah merosot maka ada-lah sukar di-dapati peserta² ranchangan FELDA yang mendapat pendapatan lebih kurang \$300 sa-bulan.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana pendapatan \$70 sa-bulan sangat rendah, bolehkah Kerajaan menimbangkan perkara ini? Barangkali tidak akan di-potong pembayaran jikalau rendah daripada \$120 atau \$150.

Yang kedua, bolehkah Kerajaan menimbang menghapuskan pembayaran bunga (interest rate) untuk mengurangkan penindasan atas peneroka² FELDA?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, itu akan di-timbangkan.

JAWATAN-KUASA MENILAI TARAF IJAZAH

9. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (i) nama jawatan-kuasa yang sedang menilai taraf ijazah dan kelulusan Universiti Nanyang dan Formosa dan komposisi ahli²-nya;
- (ii) jumlah meshuarat² yang telah di-adakan oleh jawatan-kuasa ini sa-takat ini, dengan memberi tarikh² meshuarat tersebut;
- (iii) bila laporan kemajuan tentang perkara² yang telah di-binchangkan oleh jawatan-kuasa ini akan di-bentangkan; dan

(iv) sama ada Kerajaan dapat memberi suatu jaminan bahawa keputusan terhadap soal pengiktirafan Kerajaan tentang ijazah Universiti Nanyang dan Formosa akan di-buat dalam tahun ini.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya tidak ada suatu Jawatan-kuasa yang di-tubuhkan khusus untuk menilai taraf ijazah atau kelulusan² daripada Universiti Nanyang atau Pusat² Pengajian Tinggi di-Formosa. Yang ada ia-lah Jawatan-kuasa Tetap Pengiktirafan kelulusan² asing yang bertanggung-jawab untuk menilai kelayakan² yang di-perolehi oleh ra'ayat Malaysia daripada luar negeri dengan di-pengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Ahli² Jawatan-kuasa tetap ini ada-lah seperti berikut:

Pengerusi—Yang Berhormat Menteri Pelajaran (Enche' Hussein bin Dato' Onn) mulai memegang jawatan ini pada 18hb April, 1972.

Naib Pengerusi—Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

Ahli²-nya terdiri daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan atau Timbalannya, Ketua Pengarah Talikom atau Timbalannya, Ketua Pengarah Kerja Raya atau Timbalannya, Ketua Pengarah Pertanian atau Timbalannya, Ketua Pengarah Pelajaran atau Timbalannya, Ketua Pengarah Perikanan atau Timbalannya, Akauntan Negara atau Timbalannya, Setiausaha Surohanjaya Perkhidmatan Awam atau Timbalannya, Naib-Chancellor Universiti Malaya.

Mengenai perkara (ii), Jawatan-kuasa Tetap pengiktirafan kelayakan² asing ini sa-takat ini telah mengadakan meshuarat sa-banyak 15 kali pada tarikh² seperti berikut:

17hb Mach, 1965; 18hb Ogos, 1965; 12hb Oktober, 1965; 15hb Februari, 1966; 29hb Mach, 1966; 18hb April, 1966; 9hb Mei, 1966; 27hb September, 1966; 14hb Mach, 1968; 28hb Mach, 1969; 19hb Januari, 1970; 17hb Disember, 1970; 12hb Jun, 1970 dan 12hb Januari, 1972.

Jawatan-kuasa Tetap ini ada-lah di-bantu oleh tiga buah Jawatan-kuasa Kechil ia-itu Jawatan-kuasa Kechil Kelayakan² Sastera

yang telah mengadakan meshuarat sa-banyak 9 kali dan Jawatan-kuasa Kechil Kelayakan² Sains yang telah mengadakan meshuarat sa-banyak 19 kali dan Jawatan-kuasa Kechil Kelayakan² Kejuruteraan dan Akitek yang telah mengadakan meshuarat sa-banyak 6 kali.

Mengenai perkara (iii), Jawatan-kuasa Tetap Pengiktirafan Kelayakan² Asing adalah di-tubuhkan atas arahan Jema'ah Menteri dan tidak ada sa-barang undang² atau peratoran yang mengehendaki Jawatan-kuasa Tetap itu membentangkan hasil kajian-nya kepada mana² pehak. Lagi pun keputusan² yang di-buat oleh Jawatan-kuasa Tetap ini telah pun di-ketahui oleh pehak² yang berkenaan.

Mengenai soalan (iv), walau pun Jawatan-kuasa Tetap ini bukan sa-mata² menilai kelayakan² daripada Universiti Nanyang dan Pusat² Pengajian tinggi di-Formosa sahaja namun demikian masalaah menilai ijazah² Universiti Nanyang dan Formosa ini sedang dalam perhatian penoh Jawatan-kuasa. Sa-suatu keputusan yang muktamad mengenai perkara ini akan di-buat dalam tahun ini.

Tuan Lim Kit Siang: Ada-kah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran dapat menerangkan daripada 15 kali bermeshuarat Jawatan-kuasa tersebut, berapa kali meshuarat Jawatan-kuasa itu mengenai perkara pengiktirafan ijazah² dan kelulusan² Universiti Nanyang dan Formosa?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menyebut berapa kali perkara ijazah Nanyang dan Formosa ini di-bangkitkan di-dalam meshuarat² tersebut, tetapi apa yang saya tahu perkara ini daripada sa-masa ka-samasa telah di-timbulkan.

JAWATAN MENTERI PERPADUAN NEGARA

10. Dr S. Seevaratnam minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan sama ada jawatan Menteri-nya ada-lah makan gaji buta, dan jika tidak, sama ada beliau akan memberi suatu laporan yang konkerit mengenai kerja² yang telah di-jalankan-nya di-dalam tempoh enam bulan yang lepas.

Menteri Perpaduan Negara (Tun V. T. Sambanthan): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat hendak melayan khayalan² Ahli Yang Berhormat itu dan menjawab soalan² berasaskan kapada khayalan² itu.

Tuan Lim Kit Siang: (Dengan izin) Can the Honourable Minister state whether the National Unity Council comes under his Ministry arising from the work of his Ministry?

Tuan Yang di-Pertua: I cannot hear it.

Tuan Lim Kit Siang: Can the Honourable Minister explain whether the National Unity Council and its meetings come under the Ministry of National Unity?

Tun V. T. Sambanthan: (Dengan izin) A question about this is coming up later in the session and I shall reply to it then.

Tuan Lim Kit Siang: Sir, I think the Honourable Minister has not answered the second part of the question—whether he would give a report of the concrete work that he has done for the last six months?

Tun V. T. Sambanthan: Tuan Speaker, I shall translate what I said in Bahasa Malaysia. This is what I said in the National language: It is not my intention to dispel any fantasies the Honourable Member has and to answer questions based on them.

Tuan Lim Kit Siang: That means no work done in the last six months? (*Ketawa*)

Tun V. T. Sambanthan: Sir, I do not wish to be drawn into a controversy. On the 22nd of this month again a proper question will be asked and I shall reply to it then.

120,000 PEKERJAAN BARU— PERANGKAAAN

11. Dr Chen Man Hin minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan sama ada beliau mempunyai perangkaan² untuk menyokong tuntutan yang telah di-buat oleh Menteri Kewangan bahawa Ranchangan Malaysia Kedua telah mewujudkan lebih kurang 120,000 pekerjaan baru dalam tahun 1971.

Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, apa yang di-nyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di-Jamuan

Makan Malam Tahunan Institute of Surveyors di-Kuala Lumpur pada hari Sabtu, 24hb Januari, 1972 ia-lah, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

"In 1970, the number of additional contributors to the Employees Provident Fund (E.P.F.) totalled about 102,000. In 1971 it reached a figure of nearly 112,000. While these figures do not exactly correspond to the number of new jobs created, they do indicate that the new jobs created are approximately of this order as it is clear that the bulk of the new contributors became contributors as a result of the new jobs available. Considering that the target of the Second Malaysia Plan is the creation of 119,000 new jobs annually, the figures indicate that we are well within sight of our target".

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu dapat-lah di-lihat bahawa apa yang di-katakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu di-sokong oleh perangkaan² tersebut.

Sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat sendiri ketahui, Rancangan Malaysia Kedua telah di-lancarkan hanya baru sa-tahun yang lalu dan di-masa ini berbagai² agensi Kerajaan sedang dan dalam proses mengumpul data² dan perangkaan yang berkaitan dengan pekerjaan yang di-sediakan oleh Rancangan Malaysia ini. Semua data² dan perangkaan ini akan di-terbitkan apabila siap kelak.

Dr Chen Man Hin: (*Dengan izin*) Is the Honourable Minister aware that in the statistics of last month, July, the Labour Bureau reported that there was an increase in the number of applicants for new jobs—by about 5,000 or so. Would not this indicate that despite the implementation of the Second Malaysia Plan, unemployment is still very rife and that the target of 120,000 jobs each year may not have been reached?

Tan Sri V. Manickavasagam: (*Dengan izin*) Sir, what the Honourable Member is referring to is probably the Ministry of Labour's Monthly Report for May. Sir, that was the time when a number of school leavers had come out and registered themselves in the Employment Offices with the hope of getting jobs. This is an annual affair, but I can assure this House that everything is being done to see that we create jobs for the number of people coming out of schools.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) Sir, the Minister in fact corrected the statement made by the questioner. But I am interested to know, within this one year period how many persons have been gainfully employed under the Five-Year Development Plan. This will give us an estimate as to how many will be employed in the next 4 years.

Tan Sri V. Manickavasagam: I just quoted a portion of my colleague the Honourable Minister of Finance's speech in which he said that these additional jobs of 112,000 give an indication of the new jobs created. Sir, in addition to this, we also know that there are a number of people who are self-employed and who are not contributors to the E.P.F. and if we take them into account, we may well have exceeded the number of jobs anticipated in the Second Malaysia Plan.

Tuan V. David: Does the Minister know that quite a number of employees have been evading paying E.P.F. and maybe the Enforcement Department of the Ministry of Labour has taken some form of action at least to bring to book a certain number of employees and this cannot be used as a data to prove full employment. Mr Speaker, Sir, I would like the Minister not to rely on the figures of the E.P.F. contributors because this cannot provide an actual data of employment. Can the Minister make available figures that are produced by his own Ministry through Employment Exchanges to show how many have been employed during the one year.

Tan Sri V. Manickavasagam: The Honourable Member says that a number of people have been evading the payment of E.P.F. If those figures are added, then I am sure, Sir, the number would have still increased further and the jobs created would have been increased. Sir, the enforcement of the E.P.F. Ordinance is being done by the E.P.F. Board and if the Honourable Member is aware of anyone who is not paying E.P.F. or any employer is evading payment, I thought he as a Member of Parliament would also help Government by reporting such cases.

Dr Tan Chee Khoon: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, can the Honourable Minister of Labour and Manpower tell this House whether he has looked at the new entries figures of the E.P.F. for the last three or four

years because taking them in isolation may not be a good yardstick to measure employment opportunities in this country. Will the Minister of Labour or the Minister of Finance tell us?

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, yes, I can assure the Honourable Member of Batu that I have, in fact, looked at the figures for the previous years—in fact, I have gone back as far as five or six years—and the picture is even more encouraging, but I do not want to disappoint the Honourable Member for Batu. (*Ketawa*)

Tuan V. David: Sir, so far the Minister of Labour has not informed this House what is the figure shown by his own Ministry through the Employment Exchanges and how many persons have been employed during the last one year; and if at all, the Minister says that quite a number of them have not contributed towards the E.P.F., that itself is a self-confession that his own Department is inefficient and is neglecting its duty.

Tan Sri V. Manickavasagam: Sir, the Ministry of Labour is part of Government. The Government works as a team. The Statistics Department, Sir, in conjunction with the Ministry of Labour, the E.P.U. and other Agencies collect these figures; and I have just said that that is being done and we will report it at the right time.

Tuan V. David: Sir, I am sure the Minister of Labour has the figures of the Employment Exchanges. If he produces these figures, how disappointed the people are over the Five-Year Development Plan would be shown in this House. I am sure he is hiding them from the members of the public. Would he be kind enough to produce the figures shown from his own Employment Exchanges? We have Employment Exchanges throughout the country and all unemployed persons register themselves there, and it would be nice for the Minister to tell us the figures that he has in his possession.

Tan Sri V. Manickavasagam: Sir, the monthly report of the Ministry of Labour is made public. How many we place in employment is no secret. Sir, the Honourable Member is just misguiding this House but the

Ministry of Labour has no secrets. The Honourable Member for Seremban Timor quoted these figures.

Tuan V. David: Sir, that means, does the Minister admit that according to the figures stated in the monthly report, they have not even reached 60,000 to 70,000?

Tan Sri V. Manickavasagam: Sir, the Labour Ministry's report is not an indication of all employment created. The E.P.F. is even better because the contributors pay. The Employment Service just helps those who want to find jobs and they are being placed through the Employment Exchanges. Sir, in 1970 we placed 41,556 persons and in 1971 we placed 33,702. This is only a portion of those who have found jobs.

Tuan Lim Kit Siang: (*Dengan izin*) Sir, the whole country knows that there is a growing rampant unemployment and people are being told that this problem is being solved and that this "magic" figure of 120,000 target is being met. It seems that the Government is pegging the entire argument on the E.P.F. figures, whereas in the past it had been based on some other surveys and other studies. We would like to know, apart from this magic figure of 120,000 new jobs from E.P.F. figures, whether from some other studies, from other traditional studies of employment surveys and all that, it matches this magic figure of 120,000. I think that is a simple question.

Tan Sri V. Manickavasagam: My office in Johore Bahru has indicated that only one in four has been recruited through the Employment Office and basing on that figure too, Sir, 33,702 persons have been engaged through the Employment Office in 1971. Multiplying that by four gives a simple answer—120,000-plus.

JURURAWAT² MALAYSIA DI-LUAR NEGERI

12. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kesihatan menyatakan apa-kah sambutan yang beliau terima terhadap seruan beliau kepada jururawat² Malaysia yang bekerja di-luar negeri supaya balek dan berkhidmat di-hospital² kita, dan sama ada lawatan beliau ka-England berfaedah dan mendatangkan hasil di-dalam hal ini.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, bilangan Jururawat² Malaysia yang berada di-United Kingdom ia-lah lebih kurang 2,500 orang yang terdiri dari mereka² seperti tersebut di-bawah ini:-

(i) 70—75%—State Enrolled Nurses dan jururawat² pelatih

(ii) 25—30%—Jururawat² berdaftar.

Rayuan supaya jururawat² balek ka-tanah ayer hanya telah di-tujukan kepada jururawat yang berdaftar sahaja dan tidak kepada State Enrolled Nurses atau jururawat² pelatih.

Bilangan yang membuat permohonan² dari bulan April hingga Julai 1972 ia-lah 78. Dari angka ini, 51 orang telah pun di-lantek untuk berkhidmat di-hospital² dan pusat² kesihatan dalam negeri ini. Baki 27 lagi permohonan itu masih sedang di-kaji.

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di-London telah pun di-beri kuasa oleh Surohanjaya Perkhidmatan Awam untuk membuat pilihan jururawat berdaftar yang hendak kembali berkhidmat di-Malaysia. Sa-takat ini Kementerian belum menerima angka² pilihan yang di-buat oleh-nya. Di-sini adalah di-beritahu juga bahawa kebanyakan jururawat² berdaftar yang berkhidmat sekarang ini di-United Kingdom ada-lah sa-chara kontrek dan mungkin ada mereka yang hendak balek tetapi tidak dapat membuat permohonan-nya balek ka-tanah ayer dengan chepat sa-lagi kontrek²-nya belum tamat. Tetapi lawatan saya ka-United Kingdom ada-lah berguna dan sambutan dari jururawat² Malaysia pada masa ini ada-lah menggalakkan seperti rangkaian yang disebutkan di-atas.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri bahawa daripada 2,500 orang jururawat² yang sekarang berkhidmat di-England dan sa-lepas lawatan-nya ka-England ada 51 orang jururawat yang telah balek berkhidmat di-negara ini, oleh itu boleh-kah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan bahawa semua jururawat² yang sa-ramai 2,500 orang itu akan di-beri peluang balek ka-negara ini mengikut apa² syarat perkhidmatan yang di-perlukan.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat

dari Bandar Melaka ta' faham apa yang saya chakap dalam bahasa Malaysia tadi. Saya sudah terangkan tadi antara 70—75% State Enrolled Nurses dan jururawat² pelatih dan sa-banyak 25—30% Jururawat² yang berdaftar sahaja. Itu-lah apa yang saya telah terangkan di-sini, Tuan Yang di-Pertua. Soalan itu sudah saya jawab.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak berapa faham bahasa Malaysia Yang Berhormat Menteri. Jika saya tidak silap—saya mahu tahu ia-lah daripada jururawat² berdaftar yang ada kerja di-England sa-lepas lawatan-nya ka-England, berapa peratus telah balek berkhidmat di-negara ini?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, sa-hingga sekarang ini 51 orang telah pun di-beri kerja di-hospital² di-sini dan juga 27 orang lagi masih sedang di-kaji. Saya harap pada akhir tahun ini, saya per-chaya ramai di-antara mereka ini akan balek ka-tanah ayer kita.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu tahu jumlah-nya berapa ramai jururawat² berdaftar ada di-England.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, soal itu saya tidak boleh jawab, oleh kerana jururawat² yang pergi ka-United Kingdom itu dengan perbelanjaan sendiri, bukan scholarship holders. Jadi, saya tidak boleh jawab soalan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tentu-lah Kementerian Kesihatan ada angka² (estimates), barangkali 1,000, 2,000 atau 3,000 jururawat² berdaftar di-England.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan soalan—suroh dia agak² sahaja, tentu dia tidak boleh jawab (*Ketawa*).

Dr Tan Chee Khoo: Ada-kah Menteri Kesihatan sedar oleh sebab jururawat yang datang ka-negeri kita dan mereka membuang masa untuk mendaftarkan di-tanah ayer kita, maka jururawat² di-United Kingdom tidak berani balek ka-tanah ayer kita. Oleh hal yang demikian, boleh-kah Menteri Kesihatan menolong jururawat mendaftarkan-nya di-tanah ayer kita supaya mereka boleh mendapat kerja, bukan menunggu sa-lama 6 tahun atau lebih, tetapi menunggu dua tiga bulan.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya telah beri jaminan kepada jururawat² yang berdaftar dapat berkhidmat di-hospital² kita dengan serta-merta. Saya boleh beri jaminan kepada Ahli² Yang Berhormat di-Dewan ini, Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah² supaya jururawat² yang berdaftar ini mendapat kerja dengan serta-merta. Jadi tidak-lah mereka susah hati dan sa-bagai-nya daripada pehak jururawat yang berdaftar itu.

Dr Tan Chee Khoon: Ada-kah Menteri Kesihatan sedar walau beliau menyatakan jururawat boleh mendaftar atau memberi kerja dengan serta-merta, ada-kah beliau sedar ada ramai jururawat yang datang k-sini telah menunggu lima enam bulan dan mereka belum lagi di-beri kerja dalam Kementerian Kesihatan.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, barangkali ini perkara yang lama, perkara baharu tidak ada lagi (*Ketawa*).

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya telah membaca akhbar yang Menteri Kesihatan telah pergi ka-England dan apabila kembali ka-tanah ayer telah menyatakan jururawat² yang di-England itu tidak hendak balek, oleh kerana layanan di-negeri kita ini tidak baik dan tidak memuaskan. Dan juga saya membaca akhbar apabila Menteri Kesihatan pergi ka-Kuching ia telah menyatakan demikian juga, sa-sudah itu kita menghantar dua pegawai ia-itu nurses ka-England, merayu mereka itu untuk balek bekerja. Sa-sudah itu pula Menteri Kesihatan menyatakan dalam akhbar ia-itu merayu ibu-bapa jururawat² supaya memujuk anak²-nya balek ka-tanah ayer. Betul atau tidak bagitu?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebutkan di-Kuching itu ia-lah menasihatkan ibu-bapa mereka menolong mendapat pekerjaan untuk menasihatkan anak² mereka itu sa-lepas pepereksaan atau sa-lepas latehan itu balek untuk berkhidmat ka-negara kita di-hospital² kita di-sini. Tuan Yang di-Pertua, kita faham jika kita hendak melatehkan sa-orang jururawat dengan masa-nya 3 tahun 4 bulan, perbelanjaan bagi tiap² jururawat pelateh itu dalam 3 tahun 4 bulan itu perbelanjaan-nya ia-lah \$8.300. Jadi apabila mereka itu sudah dapat latehan dan saya harap mereka akan

balek. Sa-masa saya di-England pada masa itu, saya telah bertemu dengan jururawat² lebeh daripada 60 orang, saya telah berchakap kapada mereka itu sa-lepas latehan itu, kebanyakan mereka itu bersetuju mahu balek. Dengan kekurangan jururawat kita, maka tugas saya sa-bagai Menteri akan merayu kapada mereka itu sa-bagai anak Malaysia balek ka-negara kita. Itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah chukop.

(Masa untuk Pertanyaan² bagi Jawab Mulut telah chukop dan Jawapan² Lisan bagi Pertanyaan² No. 13 hingga 40 ada-lah di-beri di-bawah ini).

BANCHI PERTANIAN

13. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan berapa banyak-kah banchi² pertanian yang telah di-jalankan di-Malaysia sejak Merdeka, dan juga nyatakan bila-kah banchi pertanian yang komprehensif bagi seluroh negara akan di-jalankan.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Hanya satu Banchi Pertanian sahaja yang telah di-jalankan sejak Merdeka. Banchi Pertanian itu telah di-adakan di-Persekutuan Tanah Melayu (sekarang Malaysia Barat) dalam tahun 1960. Di-Sarawak, Banchi Pertanian telah di-jalankan dalam tahun 1960 juga, dan di-Sabah pula dalam tahun 1961. Banchi² ini ia-lah banchi chontoh (sample).

Pihak Kerajaan belum lagi mengambil keputusan bila ia akan mengadakan Banchi Pertanian yang komprehensif bagi seluroh negara. Buat sementara, berbagai² penyiasatan chontoh sedang di-jalankan untuk memungut data² yang di-perlukan untuk tujuan perancangan.

KUMPULAN WANG SIMPANAN GURU²

14. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Pelajaran menyatakan apa-kah Kerajaan akan buat dengan Kumpulan Wang Simpanan Guru² yang sekarang berjumlah \$96 juta.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Perkara ini sedang di-kaji. Pada masa ini Kementerian Pelajaran sedang berunding dengan Lembaga

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (EPF) dan Pejabat Peguam Negara mengenai perkara ini.

PULAU PINANG/TANAH BESAR— PEMBENAAN JAMBATAN

15. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan sama ada terdapat apa² perkembangan yang lanjut di-dalam tempoh enam bulan yang lepas mengenai pembenaan jambatan yang tetap di-antara Pulau Pinang dengan Tanah Besar, jika ada, beri laporan-nya.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong): Satu kajian kemungkinan yang lengkap mengenai hubungan tetap (di-antara Pulau Pinang dan Seberang Prai) sedang di-jalankan oleh Jurutera Perunding mengikut saperti yang di-jadualkan. Laporan sementara mengenai kajian ekonomik beberapa rekabentuk hubungan tersebut akan di-kemukakan kepada Kerajaan pada akhir bulan September tahun 1972 ini. Ini akan di-ikuti oleh kajian mendalam mengenai rekabentuk awal dan penilaian ekonomi terhadap sekim yang di-ambil. Laporan terakhir akan di-siapkan pada akhir bulan Ogos, 1973.

MENGUJUDKAN BANGSA MALAYSIA—PENYATUAN

16. Tuan V. David minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan sa-jauh manakah Kerajaan beliau telah mencapai kejayaan terhadap matlamat² penyatuan bangsa dan mengujudkan satu bangsa Malaysia semenjak 31hb Ogos, 1957 di-bawah pemerintahan Kerajaan Perikatan.

Tun V. T. Sambantan: Pengujudan sa-buah negara Malaysia yang bersatu padu ada-lah suatu yang sentiasa menjadi matlamat Kerajaan Perikatan. Terchapai-nya kemerdekaan ada-lah sendiri-nya merupakan suatu tanda kejayaan perpaduan asas di-kalangan ra'ayat. Semenjak kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 Kerajaan Perikatan telah menchatitkan rekod yang membanggakan. Misal-nya laporan² pelajaran Razak—Rahman Talib telah melahirkan satu dasar pelajaran yang di-rangka untuk melahirkan sa-buah negara yang bersatu padu; dasar ekonomi kita pula berusaha untuk membasmi kemiskinan di-kalangan semua keturunan kaum dan untuk mengurangkan

perbezaan² ekonomi yang dengan sendiri-nya mendorong memecahbelahkan negara. Malahan, dasar² yang di-anuti oleh Kerajaan Perikatan ada-lah sentiasa berusaha untuk melahirkan perpaduan.

Saya patut nyatakan bahawa ini ada-lah satu penghargaan terhadap usaha² oleh Perikatan dalam membena sa-buah negara Malaysia yang kukoh dan bersatu padu, di-mana satu trajidi yang hebat saperti dalam kekacauan 13 Mei telah gagal untuk memecahbelahkan negara. Kekukohan asas yang telah di-letakkan oleh Perikatan-lah yang telah berjaya menentang chabaran² maha hebat terhadap keutuhan negara kita. Kita bukan sahaja telah terselamat daripada bahaya tersebut malahan kita telah dapat menjauhi dari-nya dan sekarang sedang bergerak menuju ka-arrah perpaduan yang lebeh kukoh.

Namun demikian kita tidak boleh bersenang diri di-atas kejayaan² kita. Perikatan akan terus berusaha untuk melahirkan sa-buah masyarakat Malaysia yang bersatu padu, demokratik, adil, liberal dan progresif dan kita akan di-pandu dalam tugas ini atas prinsip² Keperchayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang² akhir-nya Kesopanan dan Kesusilaan.

Kerajaan telah menyediakan satu contoh. Satu dasar ekonomi baru telah di-lancarkan yang bertujuan untuk membetulkan perbezaan² di-antara kaum² dan untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira keturunan kaum. Dasar mengenai pekerjaan ada-lah menchuba memberikan peluang² kepada semua dan dengan ini melenyapkan diskriminasi² di-masa² lampau. Dasar pelajaran menchuba membasmi perbezaan² di-yayasan² tinggi supaya perbezaan² kaum di-dalam kumpulan² kerja dan ikhtisas akan, satu ketika nanti, dapat di-perbetulkan.

Kami yakin bahawa dengan langkah² ini dan langkah² lain kemajuan negara ini akan dapat di-jamin dan perpaduan tidak lagi menjadi masaalah politik.

Izinkan-lah saya menekankan di-sini bahawa tujuan mencapai perpaduan bukanlah tanggungjawab Kerajaan Perikatan sahaja. Ia ada-lah satu tujuan yang suchi dan harus menjadi dasar pegangan tiap² parti politik dan ra'ayat negara ini. Oleh kerana

itu izinkan-lah saya memohon supaya tiap² sa-orang bersatu untuk mengejar matlamat ini.

MEMBUBARKAN UMNO, M.C.A. DAN M.I.C.

17. Tuan V. David minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan oleh kerana Kerajaan beliau berazam untuk mencapai ka-arrah pembenaan satu bangsa Malaysia dengan tidak memandang asal keturunan sama ada beliau akan menimbang untuk membubarkan Pertubohan Politik Tiga Bangsa yang terbesar ia-itu UMNO, M.C.A. dan M.I.C. demi mengujudkan kesedaran terhadap konsep satu bangsa Malaysia yang bersatu padu.

Tun V. T. Sambanthan: Di-dalam sistem demokrasi seperti yang di-amalkan di-negara ini, rakyat Malaysia berhak menikmati kebebasan untuk memilih mana² parti politik yang mereka pilih untuk di-masoki-nya. Ujud-nya pertubohan tiga parti politik perkauman UMNO, M.C.A. dan M.I.C., tidaklah sekali² menghalang pembentukan sa-buah negara yang bersatu padu.

Malahan ketiga² parti yang membentok Kerajaan pada peringkat Persekutuan, bukan sahaja mendukung konsep sa-buah negara Malaysia yang bersatu padu malahan telah berusaha dengan bersungguh² sa-lama beberapa tahun ini untuk melahirkan perpaduan negara di-samping anasir² chauvinistik di-kalangan banyak daripada parti² Pembangkang. Walau pun organisasi-nya di-buat atas garis² perkauman, saya merasa puashati kerana parti² ini mengambil pendekatan yang tidak berchorak perkauman. Perhatian yang paling utama ia-lah terhadap kepentingan² negara.

Oleh yang demikian, saya tidak nampak apa² sebab pun mengapa ketiga² parti ini yang tidak menyebar atau mengamalkan faham perkauman, harus di-bubarkan. Saya tidak dapat berkata demikian dengan beberapa, apa yang di-katakan, parti² berbilang kaum.

KAWASAN PERUSAHAAN KEMUNTING—KESULITAN PEKERJA²

18. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tindakan Kerajaan terhadap teks²

sapu telah mendatangkan kesulitan kepada pekerja² di-Kawasan Perusahaan Kemunting yang menyebabkan kerugian masa bekerja, dan jika ya, apa-kah tindakan yang akan di-ambil untuk mengatasi masaalah ini.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Kesulitan² kepada pekerja² di-Kawasan Perusahaan Kemunting itu mungkin di-sebabkan oleh jadual² bas di-kawasan tersebut tidak sesuai dengan kehendak pekerja² di-situ.

Berikutan dengan kesulitan pekerja² di-Kawasan Perusahaan Kemunting untuk berulang akek pergi kerja, pehak Pendaftar Kenderaan Motor Perak telah mengadakan rundingan² dengan pehak sharikat² di-Kawasan² Perusahaan Kemunting dan pehak sharikat bas untuk memudahkan pekerja² Kawasan Perusahaan itu berulang akek pergi kerja. Keputusan telah di-chapai di-mana sharikat di-Kawasan Perusahaan Kemunting telah membuat sewa khas bas² untuk kegunaan pekerja² lebih kurang sa-bulan dahulu.

Sekarang sharikat bas yang berkhidmat di-kawasan Perusahaan itu telah pun mengadakan jadual baharu sesuai dengan kehendak² pekerja di-Kawasan Perusahaan tersebut.

MALAYSIA/NEGERI CHINA— PERANAN PERNAS DALAM PERDAGANGAN

19. Dr Tan Chee Khoo minta Perdana Menteri menyatakan peranan PERNAS dalam bidang perdagangan dengan negeri China, dan langkah² yang telah di-ambil oleh Kementerian-nya untuk membantu PERNAS melichinkan perjalanan perdagangan di-antara Malaysia dan Negeri China.

Perdana Menteri: Dalam melaksanakan dasar Kerajaan untuk mengujudkan perdagangan sa-chara langsung dengan China, PERNAS telah pun di-jadikan ajen untuk menguruskan segala perdagangan dengan negeri itu. Walau bagaimana pun untuk mengelakkan gangguan sa-chara mengejut terhadap chorak perdagangan yang sedia ada, maka pengimpot² yang sedia ada adalah di-benarkan mengimpot terus dari negeri China barang² yang maseh belum lagi di-impot oleh PERNAS.

Oleh kerana PERNAS sekarang telah pun menjadi pengimpot barang² China sa-chara

langsung, semua permohonan dari pengimpot² bersendirian untuk mendapatkan permit impot yang di-keluarkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mesti-lah disalurkan melalui PERNAS untuk menentukan bahawa barang² yang telah di-pesan oleh PERNAS tidak akan di-impot berlebihan daripada kehendak dalam negeri. Langkah ini akan menentukan bahawa impot dari negeri China tidak mengganggu dan di-samping itu akan memberi kesempatan kepada PERNAS mengumpul maklumat² tentang "demand" pasar, struktur harga dan lain² pada tiap² jenis barang² China supaya membolehkan-nya nanti mengambil alih impot dari pen pengimpot² biasa sa-chara beransor².

SHARAT² KENAIKAN PANGKAT— PEGAWAI TENTERA

20. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) di-atas asas apa-kah sa-orang Pegawai Tentera telah di-naikkan pangkat-nya baru² ini dan sa-lepas itu telah di-hantar bertugas sa-bagai sa-orang wakil tentera di-salah sa-buah kedutaan² kita di-luar negeri;
- (b) apa-kah beliau sedar yang pegawai tersebut telah terlibat dalam suatu skandal pada masa beliau berada di-Sarawak, dan jika ya, mengapa-kah tindakan tata-tertib tidak di-ambil terhadap-nya sedangkan pegawai² yang lain yang telah membuat kesalahan yang sama telah di-minta meletakkan jawatan; dan
- (c) berhubung dengan jawapan-nya kepada soalan-nya dalam Meshuarat Parlimen yang lepas yang perkara ini ada-lah "subjudice", sama ada beliau sekarang akan memberikan keputusan² penyiasatan yang telah di-lakukan berhubung dengan perkara ini dan tindakan yang di-ambil terhadap pegawai tersebut, dan jika tidak, mengapa.

Menteri Pertahanan (Tun Haji Abdul Razak):

- (a) Kenaikan pangkat sa-saorang pegawai kanan tentera ada-lah di-timbangan oleh lembaga pemilihan tertentu dan antara faktor² yang di-pertimbangkan ia-lah pengalaman dan kebolehan pegawai itu, kesesuaian-nya dan taraf kekananan-nya di-dalam perkhidmatan.

(b) Kementerian Pertahanan memang mengetahui kes ini. Hasil dari penyiasatan yang telah di-lakukan ada-lah di-dapati bahawa kes tersebut bukan-lah merupakan sa-bagai satu skandal, tetapi ada-lah sa-bagai kes persendirian yang mana pegawai tersebut telah pun menyelesaikan-nya sendiri. Dengan demikian tindakan tata-tertib tidak di-ambil terhadap-nya.

(c) Walau bagaimana pun kenaikan pangkat pegawai tersebut telah pun di-lewatkan sa-lama 6 bulan.

PEMBELIAN SA-BUAH KAPAL TERBANG OLEH JABATAN PENERBANGAN AWAM

21. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Perhubungan menyatakan untuk apakah Jabatan Penerbangan Awam membeli sa-buah kapal terbang yang berharga hampir lebeh tiga juta ringgit baharu² ini; dan adakah perlu di-beli kapal terbang tersebut.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Mungkin juga kapal terbang yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas Hulu itu ia-lah untuk memereksa alat² panduan penerbangan udara (navigation aids). Kapal terbang ini perlu di-beli oleh kerana dalam tahun 1969 Ajensi Penerbangan Pusat (Federal Aviation Agency) yang terdahulu-nya ada-lah bertanggung-jawab di-atas kerja² ini, telah menyatakan bahawa mereka akan mengundur diri dari tanggung-jawab-nya di-Tenggara Asia kerana tanggung-jawab²-nya telah bertambah di-Amerika Sharikat. Oleh itu tanggung-jawab memereksa alat² perkakas panduan penerbangan udara terpaksa-lah di-jalankan oleh Malaysia sendiri.

LATEHAN VOKESHENAL DI- SARAWAK—KEMUDAHAN²

22. Tuan Joseph Valentine Cotter minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau telah merancang untuk menyediakan kemudahan² Latehan Vokeshenal di-bawah Rancangan Malaysia Kedua bagi penduduk² di-Sarawak yang telah mengikuti kelas² Tingkatan III tetapi gagal dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran, dan jika tidak, mengapa.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Sa-bagai mana Ahli Yang Berhormat harus ma'alum mengikut perenggan 17, laporan "Inter-governmental Committee 1962", dasar pelajaran dan sistem pentadbiran pelajaran di-Sarawak ada-lah di-bawah kawalan Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, terpulanglah kepada Kerajaan Negeri untuk memulakan ranchangan² itu. Kementerian Pelajaran akan sentiasa bekerjasama untuk menjalankan projek² tersebut. Bagi ma'aluman Ahli Yang Berhormat, di-bawah Ranchangan Malaysia Kedua, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sa-banyak \$4.1 juta bagi projek² vokeshenal yang termasuk pembeanaan dua buah sekolah menengah vokeshenal baharu di-Sibu dan di-Miri dan membesarkan sekolah menengah vokeshenal di-Kuching. Tetapi ini bukan-lah untuk projek² seperti yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

BISKUT-SUSU KAPADA KANAK² SEKOLAH—MENYEDIAKAN

23. Tuan Joseph Valentine Cotter minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian beliau dapat menyediakan

minuman² dan beberapa keping biskut kepada kanak² sekolah di-luar bandar sewaktu di-sabelah pagi.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tidak. Ini akan memerlukan perbelanjaan yang besar. Walau bagaimana pun, ada beberapa Ranchangan makanan tambahan di-Sekolah yang di-anjorkan oleh pertubohan² sukarela seperti Majlis Pusat Kebajikan, Majlis Kebajikan Kanak² Malaysia dan Perkhidmatan Kebajikan Katholik, dan oleh badan² separoh-kerajaan seperti Ranchangan Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda). Bekalan bahan² makanan kepada badan² sukarela yang tersebut ada-lah di-buat oleh Perkhidmatan Bantuan Katholik (Catholic Relief Services), Amerika Sharikat. Bahan² makanan kepada Felda di-sampaikan oleh Ranchangan Makanan Sa-Dunia (World Food Programme). Persatuan Palang Merah Malaysia baru² ini telah pun melancarkan suatu projek khas untuk sa-buah sekolah di-Kelantan dengan biskut-susu dari Australia.

Pada masa ini lebeh kurang 100,000 murid² sekolah dan 500 buah sekolah di-Malaysia Barat terlibat dalam ranchangan² makanan tambahan di-sekolah.

PEMBENAAN HOSPITAL² DI-SARAWAK—BILANGAN

24. Tuan Joseph Valentine Cotter minta Menteri Kesihatan senaraikan bilangan dan tempat² di-mana hospital² dan kelinik² akan di-bena di-bawah Ranchangan Malaysia Kedua di-Sarawak.

Tan Sri Lee Siok Yew: Hospital² dan Pusat² Kesihatan Kechil yang akan di-bena dalam Ranchangan Malaysia Kedua—

(a) Bilangan Hospital²—2.

Tempat:	(i) Serian	...	...	Bahagian Pertama
	(ii) Limbang	...	...	Bahagian Kelima

(b) Bilangan Pusat Kesihatan Kechil—20.

Jenis Lama	...	...	2
Jenis Baru	...	...	18
			—
Jumlah	...	...	20
			—

Tempat:	Jenis Lama ...	(i) Long Teru ...	...	Bahagian Keempat
		(ii) Ng Medamit ...	...	Bahagian Kelima
Jenis Baru ...		(i) Pendam ...	...	Bahagian Pertama
		(ii) Bentong ...	...	Bahagian Kedua
		(iii) Ng Kesit ...	...	" "
		(iv) Pakan Bazaar ...	...	Bahagian Ketiga
		(v) Ng Mujong ...	...	" "
		(vi) Ng Bangkit ...	...	" "
		(vii) Ng Merit ...	...	" "
		(viii) Ng Selangau ...	...	" "
		(ix) Binatang ...	...	" "
		(x) Long Teru ...	...	Bahagian Keempat
		(xi) Oil Palm Estate ...	...	" "
		(xii) Sangau ...	...	" "
		(xiii) Bario ...	...	" "
		(xiv) Sebauh ...	...	" "
		(xv) Suai Tegaging ...	...	" "
		(xvi) Long Semado ...	...	Bahagian Kelima
		(xvii) Merapok ...	...	" "
		(xviii) Batu Danau ...	...	" "

PEGAWAI MERINYU PENGUATKUASA—BILANGAN

25. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapa orang-kah pegawai merinyu penguatkuasa di-negeri ini dan adakah pekerjaan mereka berjaya.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mohamed Khir Johari): Ahli Yang Berhormat mungkin ingat lagi bahawa didalam Persidangan Parlimen pada bulan Mei yang lalu sa-masa menjawab satu soalan yang di-timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu, saya telah mengatakan bahawa penubuhan sa-buah Unit Penguatkuasa di-Kementerian saya telah pun di-luluskan. Pada masa ini, sa-orang Timbalan Pengarah dan sa-orang Penolong Pengarah Unit ini telah pun melaporkan diri. Pada masa yang sama Surohanjaya Pekhidmatan Awam telah pun membuat tawaran mengenai 35 jawatan Merinyu untuk Unit ini dan penerimaan tawaran ka-atas jawatan² ini maseh di-tunggu. Sementara itu, pengawasan harga ada-lah di-jalankan dengan bantuan daripada pegawai² Lembaga Padi dan Beras Negara.

KURSUS KEJURUTERAAN DI- SEBERANG LAUT OLEH PEMBANTU² TEKNIK—BILANGAN

26. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan angka permohonan² biasiswa untuk mengikuti kursus kejuruteraan di-seberang laut terdiri dari pembantu² teknik yang sedang bertugas dengan pihak Jabatan Kerja Raya sejak tahun 1968, khas-nya dari kalangan bumiputra. Berapa orang-kah yang telah di-luluskan pergi mengikuti kursus itu. Kenapa yang lain tidak di-luluskan. Adakah chara pemilehan-nya di-lakukan dengan adil.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Kementerian ini bersama² dengan Jabatan Perkhidmatan Awam telah memulakan langkah menghantar Pembantu² Teknik yang sedang bertugas untuk mengambil kursus kejuruteraan di-seberang laut yang di-mulakan hanya pada tahun 1971 sahaja dan bukan sejak tahun 1968 seperti Ahli Yang Berhormat sebutkan.

Pada tahun lalu sa-ramai 12 orang telah di-hantar ka-seberang laut untuk kursus tersebut yang mana ka-semua-nya ada-lah

chalun² bumiputra. Sa-lain daripada ini Jabatan Perkhidmatan Awam telah menghantar chalun² lain daripada Jabatan² yang lain.

Pada tahun 1972 ini sa-hingga sekarang 5 orang chalun bumiputra yang sedang berkhidmat dengan J.K.R. akan di-hantar melanjutkan pelajaran-nya ka-seberang laut. Walau bagaimana pun Jabatan Perkhidmatan Awam pula sedang menawarkan kira² 40 biasiswa kepada Pembantu² Teknik bagi keseluruh Jabatan yang lain.

Saya tidak dapat memberitahu Ahli Yang Berhormat chara² pemilihan yang di-lakukan oleh kerana perkara² ini ada-lah di-uruskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Juga saya tidak dapat memberitahu angka² permohonan kerana Pembantu² Teknik bukan-lah sahaja bekerja di-dalam J.K.R. sahaja.

PEMBENAAN JALANRAYA ANTARA BANDAR DUNGUN KA-PASIR RAJA—SEBAB² KELAMBATAN

27. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan bila-kah jalanraya antara Bandar Dungun menuju ka-Pasir Raja, Ulu Dungun akan di-bena. Kenapa lambat di-buat pekerjaan ini.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Chada-ngan ini ada-lah di-buat oleh Kerajaan Negeri yang mana keutamaan bagi memberi kemudahan projek ini sa-harus-nya akan di-selesaikan oleh Kerajaan Negeri.

PENUNTUT² SARAWAK DI-UNIVERSITI MALAYA DAN INSTITIUT TEKNOLOJI MARA—BILANGAN

28. Tuan Pengarah Rahun anak Debak minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (i) bilangan penuntut² Sarawak—
 - (a) di-Universiti Malaya; dan
 - (b) di-Institiut Teknologi Mara; dan
- (ii) berapa ramai-kah daripada mereka dari keturunan Bidayuh dan berapa ramai-kah dari Daerah Serian.

Tuan Hussein bin Dato' Onn:

- (i) (a) 260
- (b) 200

- (ii) Universiti Malaya tidak ada menyimpan perangkaan penuntut² Sarawak menurut suku-bangsa atau daerah. Di-Institiut Teknologi MARA tidak ada sa-orang pun dari keturunan Bidayuh dan sa-ramai 3 orang sahaja yang datang dari Daerah Serian.

PUSAT PELANCHONGAN DI-PULAU BESAR, MELAKA—RANCHANGAN

29. Tuan Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada benar Kerajaan Pusat hendak mengadakan suatu Pusat Pelanchongan di-Pulau Besar, Melaka seperti yang di-utarakan oleh Menteri Kewangan dalam lawatan beliau ka-Melaka baharu² ini; jika benar, bila, dan berapa peruntukan-nya.

Tuan Mohamed Khir Johari: Ranchangan untuk mengadakan satu Pusat Pelanchongan di-Pulau Besar Melaka ada-lah maseh lagi dalam perengkat kajian. Sa-hingga kajian ini selesai di-buat oleh Kerajaan Negeri Melaka, maka belum-lah dapat di-tentukan lagi tarikh pelaksanaan dan peruntukan untuk projek tersebut.

AYER KEROH, MELAKA—MENDIRIKAN KILANG PERUSAHAAN

30. Tuan Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada telah sampai ka-pengetahuan-nya tentang bilangan kilang yang akan di-dirikan oleh pihak swasta di-kawasan perusahaan Ayer Keroh, Melaka; jika ya, berapa bilangan-nya dan bila akan di-mulakan projek perusahaan itu.

Tuan Mohamed Khir Johari: Kerajaan Negeri Melaka akan terus memajukan kawasan perusahaan Ayer Keroh dan pada masa ini 8 sharikat² telah pun memohon tapak² di-kawasan ini. Tujoh daripada-nya akan di-dirikan dalam kawasan 30 ekar ranchangan pertama kawasan Perusahaan Ayer Keroh itu dan satu di-ranchangan kedua yang sedang di-buka. Satu bangunan kilang telah pun siap dan dua lagi sedang dalam pembenaan.

Sa-lain daripada itu, Kerajaan Negeri telah menerima beberapa pertanyaan mengenai tapak² Perusahaan di-kawasan Ayer Keroh.

KAWASAN PERUSAHAAN LUAR BANDAR DI-SARAWAK— USAHA² MEMAJUKAN

31. Tuan Luhut Wan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sa-jauh mana-kah Kerajaan telah melaksanakan proses memperindastrikan kawasan luar bandar di-Sarawak dan apa-kah langkah² yang telah di-ambil untuk menentukan supaya pelaksanaan sa-rupa itu akan berjaya dan berterusan.

Tuan Mohamed Khir Johari: Salah satu langkah² yang di-ambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk membantu pembangunan perusahaan di-kawasan² kurang maju ia-lah dengan memberi galakan kewangan yang lebih di-bawah Akta Galakan Pelaburan dengan mengishtiharkan kawasan saperti itu sa-bagai "Kawasan Kemajuan". Sarawak dan seluruh Malaysia Timor memang telah diishtiharkan sa-bagai "Kawasan Kemajuan".

Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan baru² ini telah menyiapkan kajian kemungkinan (feasibility study) kawasan Sarawak. Satu salinan deraf laporan-nya telah pun di-majukan kepada Kerajaan Negeri Sarawak dan juga kepada Pertubuhan Kemajuan Perindustrian Antarabangsa (UNIDO) yang bersama² dengan LKPP membuat kajian ini. UNIDO sekarang sedang mengkaji laporan itu. Kebanyakan shor² laporan itu ia-lah mengenai perusahaan² yang berdasarkan pertanian dan boleh-lah di-anggap sa-bagai kemungkinan² untuk di-tubuhkan di-kawasan² luar bandar. Sa-takat ini saya tidak akan menela²h butir² penyiasatan ini dan keputusan² Kerajaan Negeri berkenaan shor² itu.

Sa-lain daripada itu, Kerajaan telah menu-bohkan satu Jawatan-kuasa yang pada masa ini sedang mengkaji langkah² yang patut di-ambil untuk menarek lebih banyak lagi perusahaan² ka-Malaysia Timor.

ULU RIMBAS/ULU PAKU/ ULU LAYAR DI-JADIKAN KAWASAN PERTANIAN—KAJIAN

32. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan bila-kah Kerajaan akan men-jalankan kajian kemungkinan ekonomi tentang kawasan² Ulu Rimbass/Ulu Paku/Ulu Layar untuk penanaman tanaman² pertanian.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Kawasan² tanah di-Ulu Rimbass dan Ulu Paku sungguh pun telah termasuk dalam program tetapi maseh belum lagi di-buat kajian mengenai kesuburan tanah-nya (soil survey). Kajian sa-macam ini ada-lah bergantung kepada keutamaan yang akan di-beri oleh Jawatan-kuasa Tindakan Bahagian (Divisional Action Committee). Kajian kesuburan tanah di-kawasan Ulu Layar telah selesai dan di-dapati sa-bahagian besar tanah dalam kawasan itu tidak sesuai untuk kema-juan pertanian chara besar² kerana keadaan tanah yang churam. Kawasan yang sesuai ada-lah terdapat dan terhad kepada Lembah Batang Layar yang mempunyai luas kawasan yang kecil.

JAWATAN-KUASA² TINDAKAN BAHAGIAN DAN DAERAH—SEBAB² PENUKARAN

33. Tuan Edwin anak Tangkum minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada benar bahawa Jawatan-kuasa² Pembangunan Bahagian dan Daerah di-Sarawak telah di-mansokh dan di-gantikan oleh Jawatan-kuasa² Tindakan Bahagian dan Daerah atas arahan Kerajaan Persekutuan; jika ya, apa-kah sebab² perubahan itu dan mengapa-kah wakil² terpilih untuk Parlimen dan Majlis Negeri di-Sarawak tidak lagi menjadi ahli Jawatan-kuasa² Tindakan Bahagian dan Daerah yang baharu di-bentokan tetapi di-gantikan dengan pegawai².

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Benar. Pemansokhan ini ada-lah telah di-buat menu-rut peratoran² sa-bagaimana di-nyatakan di-dalam arahan No. 1—Majlis Tindakan Negara bertarikh pada 14hb Julai, 1971.

So, Mr Speaker, Sir, to conclude, I would say that the 11 million people of Malaysia will feel grateful to the Government if it can really enforce this Bill and ensure that the customers get the goods at reasonable prices. But in view of the various factors concerned, I would ask the Government to see that, in the implementation of this law, due discretion and fairness be displayed and the Government should not rush too quickly, and should not be too harsh and rash in the enforcement of this law. Thank you.

Tuan Abu Bakar bin Umar (Kubang Pasu Barat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk berchakap sa-patah dua di-dalam Rang Undang² Perihal Dagangan, 1972 ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kepalsuan ini kadang² berlaku di-keadaan barang² saya menyokong Rang Undang² ini, oleh kerana saya berpendapat bahawa Rang Undang² ini akan dapat melindungi pembeli² daripada apa yang telah di-buat oleh peniaga² bersangkut-paut dengan menchari keuntungan yang besar² dengan menipu ra'ayat jelata.

Di-samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarek perhatian Menteri yang berkenaan atau pun Kerajaan. Di-dalam soal penipuan ini, kadangkala berlaku di-segi² hukum yang bersangkut-paut dengan hukum Islam. Saya maseh ragu² di-dalam soal makanan² khas-nya yang datang daripada luar negeri atau pun yang di-usahakan dalam negeri ini. Makanan² dalam tin, kita mithalkan, Tuan Yang di-Pertua, kadang² kita dapati di-tulis-nya di-situ "Di-tanggung halal yang dari segi hukum ini ada-lah orang Yang di-Pertua, siapa-kah yang menanggung halal ini dan siapa-kah yang membuat barang² ini. Mungkin kalau yang membuat barang² ini bukan orang Islam, dia tidak menjadi hal dan kalau dia tanggung halal pun tidak ada satu benda yang bersangkut-paut dengan dia yang boleh menanggungkan halal yang dari segi hukum ini ada-lah orang Islam, dia tanggung halal bahawa benda itu benda haram. Ini-lah yang saya berharap kepada pihak Kerajaan supaya perkataan "Di-tanggung halal" itu mesti-lah di-siasat betul². Mithal-nya, Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang ini benda² yang terjadi dalam negeri Kedah khas-nya kerbau² churi di-sembeleh, di-jual daging-nya atau pun di-ekspot daging daripada Kedah datang ka-Kuala Lumpur. Kerbau itu ia-lah kerbau

haram, kerbau di-churi tetapi benda daging itu halal, hukum-nya haram.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Adakah itu di-buboh lebel?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tidak di-buboh lebel, Tuan Yang di-Pertua. Ini-lah yang saya membawakan perhatian kepada Kementerian. Maka di-dalam segi itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kerajaan mengesahkan benar²-nya supaya benda itu betul² halal, baharu-lah di-berikan kuasa kepada orang yang berusaha itu membuboh tanda itu "Di-tanggung halal". Itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, apa yang dapat saya sampaikan hasrat hati saya kepada pihak yang berkenaan berhubung dengan Rang Undang² ini demi kepentingan kesejahteraan dan kesucian orang² Islam yang banyak dalam negeri kita ini. Sekian.

Dr Tan Chee Khoo (Batu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahathan Rang Undang² Perihal Dagangan, 1972 yang di-kemukakan oleh Menteri yang berkenaan dan di-samping ini saya mohon izin berchakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang² ini. Pada pendapat saya, Rang Undang² ini perlu dan di-kehendaki oleh ra'ayat di-tanah ayer kita, khas-nya ra'ayat di-luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, ra'ayat di-luar bandar bukan begitu sophisticated kalau di-bandingkan dengan ra'ayat di-bandar dan oleh sebab itu, kalau sa-suatu benda itu di-iklankan mengatakan ini ubat yang paling baik, atau ini makanan² yang paling baik, tetapi chuma ada ayer sahaja, Tuan Yang di-Pertua, pembuat barang itu hendak menipu ra'ayat yang bukan bodoh, tetapi bukan-lah begitu sophisticated. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berasa gembira yang Kerajaan telah membawa Rang Undang² ini ka-Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timor ada menyatakan beberapa pedagang² di-tanah ayer kita ini membuat kilang dan menaikkan harga-nya apabila benda² itu ka-luar dari kilang, kalau di-bandingkan dengan benda yang di-keluarkan di-kilang² dari luar negeri.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, there is no doubt that the Government, in its desire to encourage entrepreneurs and manufacturers

in this country, has encouraged them to make huge profits at the expense of the consumers in this country. I do not say that manufacturers, particularly foreign manufacturers, should come here and try to just serve the consumers in this country without having a good return for their investment, nor am I that naive to say that the profit motive is not uppermost in the minds of manufacturers and capitalists, whether it is foreign or local. But if, as we all know, manufacturers seek to recoup their capital in about two or three years, then I say enough is enough; then I say the Minister responsible should see to it that the consumers in this country must be protected because nowhere else can these manufacturers hope to recoup their capital in about three or four years except in developing countries where governments in their desire to provide jobs for the people of the country, attract manufacturers and they are not too careful about how these manufacturers, be they local or foreign, would operate in the countries that they put up factories. Worse still, Mr Speaker, Sir, if these manufacturers are allowed to establish monopolies or if allowed to establish cartels, then this question of price fixing is very prevalent and the poor consumer in this country, regrettably, has no protection against such practices of the manufacturers or entrepreneurs.

I do hope that the Minister concerned, while we rightly want him to attract entrepreneurs to this country or encourage local entrepreneurs to set up factories, we also hope that he will have the interests of the consumers at heart and see to it that manufacturers who declared profits of 20, 30, 40, 50% should be told gently: "Look here, chum, you should not be so avaricious. I think perhaps 15% or 20% profit is the upper limit that you should operate. You should not go on making huge profits at the expense of consumers in this country."

Pari passu with this question of manufacturers making huge profits, Mr Speaker, Sir, is this question of tariff protection. We do know, Mr Speaker, Sir, that tariff protection is necessary to protect an infant industry. But I do hope the Government will realise that tariff protection in the long run, if continued *ad infinitum*, will be self-defeating because the inefficient manufacturer seeks to impose his goods on a captive market without a "by your leave" from the consumers and he

continues to enjoy huge profits at the expense of the consumers. He is not afraid of goods coming into this country which are far cheaper than the goods he produces because of the tariff wall that has been erected for his protection.

Therefore, Mr Speaker, Sir, I do hope that the Ministry will seriously consider this weapon that it has used to protect infant industries. So far as I know, of all the tariffs that have been erected in this country, none has been pulled down, so that in time the local manufacturer can compete with the foreign entrepreneur who also produces the same goods. Mr Speaker, Sir, I say this because it must be the aim of the Minister that at the beginning, rightly he should protect the infant industries. But later on, with the passage of time, when the infant industry had grown from infancy into manhood, then it must be able to compete in the international market with foreigners. One of the aims of industrialisation in this country must be to try to export our products. We must not just seek to produce goods merely for a captive market. We should wherever possible try and export our manufactured goods. Thus, if we are to export our manufactured goods, then these must be efficient. These industries cannot hide behind tariff walls if they want to export their goods. They cannot hide, they will have then to climb tariff walls and then if they are not efficient, if the prices are artificially jacked up, then it would be futile to talk about exporting our manufactured goods. I do hope that the Minister will give this question of tariff protection his serious attention so that the consumers of this country can be protected.

Mr Speaker, Sir, I do hope that the Minister or the Ministry will make more serious attempts to encourage the consumers of this country to form effective associations. From time to time one hears the Minister and his officials, to me at least, pay lip service to consumer associations and from time to time regrettably one hears, Ministerial pronouncements, which, to say the least, serve to dampen the enthusiasm, the good work of the consumer associations of this country. On the one hand, the Minister says he encourages consumers to form associations and to make them active; on the other hand, if the consumer associations are any active and produce facts and figures to contend against

the high prices of goods, then regretfully the Minister concerned or some high officials of the Ministry concerned often use the big stick to frighten the consumers associations.

A case in point is the controversy over sugar where I believe the Selangor Consumers Association, for example, put up a very good case against a rise in the price of sugar, but unfortunately I believe some of the officials were made to swear an affidavit that they did not belong to any particular political party, or that they were not influenced by any other persons. Maybe it was not the Minister but such acts to intimidate the consumers associations has resulted in the Selangor Consumers Association falling into very bad times and it is very difficult to revive enthusiasm and activity in that association.

Now, a weak consumers association, be it in Selangor, Penang or Negri Sembilan—and incidentally these are the only three places where we have consumers associations existing—is not at all a healthy sign; it does not serve any purpose for the Minister concerned, because what the Minister needs is strong and effective consumers associations to help him to enforce the provisions of the law, as embodied in this Bill. I do hope the Minister and his Ministry will give every encouragement to the consumers of this country to form associations and, who knows, later in the years to come or in the very near future, Malaysia may produce its own Nader who can study consumer trends in this country, consumer prices in this country, and put the manufacturers in this country on the carpet, not just for the rises in the price of goods but also for defects or faults in the production, so as to protect the consumers of this country. Thank you.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi memberi sokongan di-atas Rang Undang² Perihal Dagangan, 1972 yang di-bentangkan di-hadapan kita sekarang.

Saya ingin menyentuh sedikit berhubung dengan sungutan dari pengilang² kecil tepong sagu di-daerah Mukah yang baharu² ini mereka menyatakan bahawa mereka telah membuat tepong sagu yang di-katakan tepong sagu nombor satu untuk eksport ka-luar negeri seperti yang di-kehendaki oleh exporter² yang tertentu di-Sarawak. Malangnya tepong itu pula di-champor oleh

exporter yang tertentu dengan tepong sagu nombor dua untuk di-ekspot ka-luar negeri seperti tepong sagu nombor satu. Dari itu, tepong sagu di-Sarawak selalu kedapatan mutu-nya tidak begitu terjamin dan harga-nya sangat merosot di-sebabkan mutu²-nya yang di-kehendaki oleh pembeli² luar negeri tidak terjamin. Dengan hal yang demikian, saya shorkan supaya Kementerian yang berkenaan mengambil perhatian berat dengan chara yang betul², yang menentukan mutu² tepong sagu dengan menggunakan chap yang tertentu di-atas tiap² guni tepong sagu yang hendak di-kirim ka-luar negeri, menerangkan sama ada tepong itu mutu nombor satu, atau pun mutu nombor dua dan sa-terus-nya.

Saperti yang kita ketahui sekarang ra'ayat bumiputra menghadapi serangan yang besar, pekebun² sagu kecil sangat-lah berdukachita di-atas perbuatan sa-tengah² pengilang sagu besar yang sengaja membuat tepong itu tidak begitu baik serta tidak chukup kering untuk di-hantar ka-luar negeri. Saya telah di-fahamkan ia-itu tepong sagu dari Sarawak sangat-lah kotor. Kadang² berchampur dengan tanah serta tidak chukup kering. Sa-hingga tepong² sagu itu menjadi pechah guni-nya waktu di-bawa oleh kapal ka-luar negeri.

Harga tepong itu sekarang sangat-lah murah oleh sebab mutu²-nya yang saya katakan itu tadi tidak terjamin. Dari itu, saya merayu kepada Kementerian Perdagangan supaya bertindak dan mengatasi keadaan dan harga tepong itu dari sekarang. Ra'ayat yang berkenaan sekarang ada-lah berharap sangat supaya Kementerian Perdagangan dapat mengatasi masalah tepong sagu di-Sarawak serta menentukan mutu² tepong itu dan menchari pasaran di-luar negeri dengan chara seperti mengator dan mengendalikan pasaran getah dan benda² yang lain ka-luar negeri, dengan menentukan mutu benda² itu kepada pengguna² kita di-luar negeri. Sekian, terima kaseh.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang² Perihal Dagangan, 1972 yang di-bentangkan di-hadapan kita.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pandang di-atas Rang Undang² ini, kita nampak bahawa sa-sunggoh-nya ini ada-lah satu jalan

atau chara di-mana Kerajaan mahu mengawal dan menjaga harga barang² yang di-tentukan oleh pihak peniaga² supaya pembeli² tidak begitu tertipu atau pun tidak begitu teraniaya. Saya rasa Rang Undang² ini ada-lah satu langkah yang baik. Chuma yang menjadi masalah, pada pandangan saya ia-lah tentang perlaksanaan-nya sa-telah Rang Undang² ini di-luluskan kelak. Selalu kedapatan bahawa semua Rang Undang² yang di-bentangkan di-dalam Dewan ini ada-lah bertujuan baik, tetapi telah di-laksanakan di-perengkat umum dan ternyata bahawa kekurangan dan kekechohan juga ada berlaku kerana perlaksanaan-nya tidak begitu tegas.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang tahu sa-sunggoh-nya banyak barang² yang di-buat dan di-jual dengan sa-chara palsu. Mithal-nya kita boleh lihat di-mana² baju yang di-chap dengan chap yang sa-rupa dengan perbuatan luar negeri, tetapi kain-nya ada-lah rendah mutu-nya atau pun di-buat dengan tidak begitu baik dan harga-nya murah sadikit sahaja daripada yang betul² mahal itu. Kemudian pembeli ini beli-lah barang itu dengan harapan bahawa barang ini murah sadikit, sa-benar-nya itu ada-lah satu chara yang mana pembeli telah tertipu dengan chara meletakkan chap yang sama dengan yang di-buat di-luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk melaksanakan Rang Undang² ini, saya harap pihak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan harus mengawasi benar² supaya perengkat pegawai² yang menjalankan penyiasatan itu harus benar² menjalankan tugas-nya dengan sempurna dan kita tidak mahu di-perengkat kenyataan atasan mengatakan bahawa kesemua barang²-nya telah di-pereksa dan di-dapati ada-lah betul, tetapi ra'ayat umum mendapati bahawa sa-sunggoh-nya banyak barang² yang tidak di-buat dengan chara yang betul.

Tuan Yang di-Pertua, hal ini berlaku, kalau kita pandang kepada satu peristiwa di-mana beberapa masa yang lalu kita telah menerima satu undang² yang di-kenal Undang² Chukai Jualan, tetapi Undang² Chukai Jualan di-mana penjual itu yang dikenakan chukai, tetapi yang kena chukai ia-lah pembeli² dan ini menjadi rungutan orang ramai. Demikian-lah keadaan-nya. Sa-suatu perkara yang di-bawa di-sini ada-lah baik,

tetapi apakala di-jalankan di-perengkat ra'ayat biasa maka ia mendatangkan tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu, saya harap perjalanan ini jangan hanya di-perengkat Bandaraya Kuala Lumpur samata², tetapi harus di-awasi juga di-tempat² yang lain seperti bandar² kecil, di-negeri² dan daerah² seluruh Malaysia Barat dan Timor.

Saya ingin membawa satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, tentang banyak barang² yang sekarang ini di-dapati dengan harga yang mahal, sedangkan dahulu barang itu di-jual dengan harga yang murah ia-itu barang² yang di-bawa masuk daripada negeri China dan barang² yang di-bawa daripada luar seperti pen dan sa-bagai-nya. Kalau dahulu mithal-nya pen dapat di-beli dengan harga \$2.00 atau pun \$1.60 tetapi sekarang kita terpaksa membeli sampai \$2.50. Apakala kita bertanya kepada peniaga atau penjual² itu, mereka menjawab ini di-sebabkan oleh chukai, entah chukai atau tidak chukai, saya tidak tahu, tetapi apa yang di-rasai oleh ra'ayat umum bahawa barang itu telah naik sampai \$1.00 melebihi daripada harga biasa. Ini ada-lah satu perasaan orang ramai. Saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan terus mengawasi hal ini memandang kepada orang² kampung, khas-nya orang² di-luar bandar yang mahu menggunakan barang² yang murah ini sekarang sudah menjadi mahal dan pendapatan mereka tidak bertambah dengan keadaan yang umum telah ketahu² ia-itu harga getah yang begitu murah dan pendapatan yang begitu meleset di-sa'at ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita dapati barang² luar negeri yang di-bawa masuk ka-sini harga-nya bertambah mahal, maka kita rasa dan kita harap barang² yang ada dalam negeri ini, khas-nya barang² yang pernah di-buat oleh kilang² negeri ini akan bertambah murah dengan sebab barang itu di-beli di-negeri kita sendiri, tetapi harapan ra'ayat itu pun tidak di-dapati juga kerana makin banyak di-buat dalam negeri ini makin mahal harga-nya. Ini saya tidak tahu sebab²-nya, tetapi pernah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah memberitahu bahawa dengan sebab bahan itu di-ambil daripada luar negeri. Saya rasa, kalau bahan di-ambil daripada luar negeri tentu-lah lebih murah

daripada kita membeli terus barang itu daripada luar negeri, tetapi entah bahan ini pun di-chukai dengan lebih mahal, saya tidak tahu. Yang saya tahu barang yang di-buat didalam negeri ini pun lebih mahal daripada barang luar negeri yang telah pun mahal daripada masa yang lalu. Ini-lah ajaib-nya, Tuan Yang di-Pertua. Dan kalau kita pandang pula bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan selalu memberitahu kepada pengusaha² luar negeri, pemodal² luar negeri bahawa sa-sunggoh-nya buroh di-Malaysia memang murah, sila-lah datang ka-Malaysia membuka perusahaan² di-sini. Kalau kita pandang dari segi ini bererti bahawa sa-sunggoh-nya barang² buatan di-sini makin sa-hari makin murah sebab buroh di-sini murah. Saya tidak mengatakan bahawa buroh negeri kita ini akan tertekan—tidak begitu, chuma kenyataan² di-keluarkan demikian di-mana Yang Berhormat Menteri mengatakan buroh di-Malaysia murah berbanding dengan buroh² di-negeri lain. Maka alangkah baik-nya kalau kita fikirkan harga-nya pun akan murah, tetapi tidak, harga-nya makin sa-hari makin mahal. Saya harap perkara ini di-ambil perhatian.

Satu perkara lagi, saya hendak menarek perhatian tentang chara batek Siam yang di-bawa masuk ka-negeri kita ini yang mengan-cham batek negeri kita. Batek Siam ini, Tuan Yang di-Pertua, boleh di-jual dengan harga yang murah dan warna-nya chantek, tetapi tidak tahan dan luntor berbanding dengan batek² yang di-buat oleh pengusaha² bumiputra Melayu daripada Trengganu dan Kelantan, kadang² batek ini menjadi anchaman kepada mereka, kerana orang² kampung dan ra'ayat biasa mahu membeli yang murah walau pun tidak tahan dan chantek dan harus pihak Kerajaan meng-ambil perhatian agar pembatek² kita jangan banyak sangat menderita akibat daripada tindakan tersebut.

Tuan Goh Hock Guan (Bungsar): *(Dengan izin)* Sir, the objective of this Bill, which is to protect the consumers and promote fair trading competition, I think, is a good one, but I think the implementation of this Bill would provide some practical difficulties and the enforcement of the Bill in some respects would be positively dangerous.

Sir, I refer to Part VIII of the Bill which concerns the enforcement of the Act. Now, this provides for the Assistant Controller of

Trade Descriptions to enter premises to require production of books or documents, to seize goods or documents and to break open containers even in the absence of the proprietor. Sir, if we were to consider for one moment what would happen, say if the Honourable the Member for Batu were to have discovered a wonder drug in his clinic and for some reasons he could not fulfil all the requirements of this Bill and then the Assistant Controller of Trade Descriptions broke into his premises, without his knowing, I believe the Member for Batu is liable to draw his revolver and shoot the Assistant Controller of Trade Descriptions. So, Sir, I hope that this part of the Bill will be modified to ensure that the proprietor of the shop is always present if any attempt is being made to break into his particular premises. Then, secondly, Sir, is the question of trade secrets. Breaking into some other chap's factory or shop could give rise to abuse by which trade secrets could be stolen under the pretext of one kind or another, and I hope the Ministry concerned would look into this matter and ensure that nothing of this kind is allowed to happen.

Then, Sir, the question of pricing. Now, Sir, whilst the public would appreciate a uniform pricing policy for all goods throughout the country, obviously it would be difficult if, let us take the example of selling a book, a book that is sold at Subang Airport obviously could not be priced on the same basis as a book that is being sold at one of the roadside stalls or for at matter at the Federal Hotel or at Merlin Hotel. I think here it would be useful if the Minister of Trade and Industry lay down some guidelines to overcome this problem.

The next point I would like to query is this, that Part IV, Clause 14 (1) of the Bill states:

"If any person offering to supply goods of any description gives, by whatever means, any false indication to the effect that the price at which the goods are offered is equal to or less than—

- (a) a recommended price; or
- (b) the price at which the goods or goods of the same description were previously offered by him,

or is less than such a price by a specified amount or proportion, he shall be guilty of an offence."

Now, Sir, I suppose by this, one could interpret that a person offering to sell such goods must not sell cheaper than what he has sold before. In other words, he will be encouraged to sell higher than what he has sold before. That is the first point. Secondly, Sir, "recommended price", now who recommends the prices? Would it be the Ministry of Trade and Industry that would lay down the prices or would it be the free flow of supply and demand, the free play of the economic market, which would determine the natural recommended prices? So these are some of the points which I would like the Honourable Minister to answer and I hope that once the general uniform pricing policy is implemented, the people of this country would get a much better deal. Thank you.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentoh sedikit sahaja mengenai Rang Undang-undang ini. Yang pertama sa-kali saya berdiri menyokong Rang Undang-undang yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Saya dapat tahu bahawa dengan terlaksana-nya Rang Undang-undang ini kelak 3 faedah yang akan di-dapati:

Yang pertama sa-kali dapat mengawal dan melindungi perusahaan negara kita ini dan meninggalkan mutu barang keluaran negeri kita yang berkekalan;

Yang kedua orang ramai tidak terpedaya membeli barang² yang di-hajati dengan ada-nya kawalan ini; dan

Yang ketiga menggalakkan lagi ahli² perniagaan luar negeri menanamkan modal dalam negeri kita bagi membuka kilang² perusahaan di-negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, gemar saya menarek perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang lazim-nya dapat penipuan oleh ra'ayat jelata dan juga pengusaha² kilang dalam negeri kita ini ia-itu dalam urusan kilang minyak kelapa yang banyak di-dirikan oleh ra'ayat dalam negeri ini dan menggunakan chap dan menyebarkan bahawa chap ini ia-lah minyak kelapa tetapi sejak yang akhir² ini pengusaha kilang² ini telah membuat satu penipuan kepada orang ramai bahawa yang di-jual-nya itu bukan minyak kelapa sejati, tulin, bahkan di-champor-nya dengan minyak kelapa sawit. Menurut keterangan apa yang di-beritahu bahawa

champoran itu hampir 60% di-champor dengan kelapa sawit. Kelapa sawit yang saya katakan ini sebab kelapa sawit mutu-nya kurang baik, bila di-makan minyak kelapa yang di-beli oleh orang ramai, macham² rasa yang tidak sesuai bagi selera orang yang memakan minyak kelapa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kementerian ini bila mengishtiharkan barang² yang di-keluarkan oleh kilang² dalam negeri ini di-katakan halal hendak-lah yang betul² di-aku² di-sisi agama Islam dengan di-sahkan pada penyembelehan-nya dan juga kepada segi² yang lain dalam hal agama.

Saya selalu menerima sungutan daripada orang ramai bahawa salah satu daripada pengeluaran ikan sadin yang di-katakan bahawa ikan sadin itu ada di-champorkan dengan minyak yang tidak halal. Masalah ini juga menjadikan keraguan kepada orang² Islam manakala memakan bahan² itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya gemar menarek perhatian bahawa penipuan ini juga kena pada getah² kita. Ada pengusaha² getah ini mengambil chap SMR dengan tujuan-nya bahawa taraf getah yang di-keluarkan-nya itu dapat harga yang baik di-luar negeri, tetapi getah yang di-buat-nya itu tidak sama taraf-nya dengan chap yang telah di-rasmikan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang sangat menjadi-jadi baharu² ini berhubung dengan nilai buku² keluaran daripada Malaysia ini sangat baik dan laris jualan-nya dalam di-luar negeri, dengan itu ada usaha² orang² yang tidak bertanggung-jawab membawa buku² ini di-keluarkan daripada luar negeri ini di-chap dengan tidak dapat kebenaran dari hak pengarang dan tidak dapat kebenaran daripada hak yang men-chipta buku itu. Usaha yang sa-macham ini juga patut di-perhatikan supaya tidak rugi kepada pengarang² yang ada dalam negeri ini bila mana buku yang telah di-karang-nya itu di-tipu jualan-nya maka faedah-nya itu di-terima orang lain.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, negeri kita ini mashhor dengan nenas, nenas ini mutu-nya baik, tetapi ada sa-tengah² gulungan mengambil nenas kita di-koyak chap yang ada sekarang yang ada dalam negeri kita ini di-tukarkan-nya dengan chap yang lain kepada sa-buah negeri yang lain.

Keadaan yang sa-macham ini dia akan mengishtiharkan bahawa pengeluaran nenas ini daripada tempat-nya, tetapi nenas yang sa-benar itu pengeluaran daripada Malaysia. Dengan keadaan² yang sa-macham ini, dengan ada-nya Rang Undang² yang di-kemukakan ini, saya rasa sangat-lah sesuai dan sangat tepat. Sekian-lah, terima kaseh.

USUL

WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan:

Bahawa walau apa pun peruntukan Peratoran Meshuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan di-tanggohkan hari ini sahingga pukul 7.30 malam.

Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan (Dato' Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa walau apa pun peruntukan Peratoran Meshuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan di-tanggohkan hari ini sahingga pukul 7.30 malam.

Tuan Haji Mohd. Chik Johari Majakil (Labuan-Beaufort): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong sa-penoh-nya Rang Undang² yang di-kemukakan oleh Menteri Perdagangan ini. Apa yang saya telah dengar tadi dari Ahli² yang menyokong dan bersetuju-lah dengan pendapat mereka bahawa saya pun berperasaan demikian. Kami ra'ayat jelata ada-lah tertipu dalam banyak perkara oleh peniaga².

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada ra'ayat jelata yang tertipu dengan apa yang di-sebutkan oleh rakan saya dari Kuala Selangor tadi ia-itu dengan membeli tepong kopi berchampur tepong gandom, belachan berchampur nasi atau pisang, lada puteh berchampur tepong ubi dan banyak lagi lain² perkara yang lain yang kami ra'ayat jelata terkena tipu seperti timbangan² (scale) Tuan Yang di-Pertua, yang di-guna oleh peniaga².

Saya suka-lah menarek perhatian kerana sa-tengah² timbangan atau scale itu terdapat di-pakai oleh peniaga² untuk menjual barang² mereka ia-itu timbangan itu menunjukkan 16 tahlil pada hal benda itu di-jual chuma 14 tahlil dan juga peniaga² untuk membeli, mithal-nya getah, peniaga² itu memakai timbangan² yang menunjukkan 16 tahlil pada hal benda yang di-beli itu sudah 18 tahlil. Dengan ini suka-lah saya menarek perhatian kepada Kementerian yang berkenaan untuk mengadakan "surprise check" ka-atas timbangan² yang di-pakai oleh peniaga² yang tidak bertanggung-jawab dan berniat sa-mata² menipu kepada ra'ayat jelata. Terima kaseh.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan ribuan terima kaseh di-atas sokongan yang telah di-berikan terhadap Rang Undang² ini dan saya hanya mengambil masa yang rengkas untuk chuba menjawab sa-tengah² perkara yang telah di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat tadi.

Yang pertama, saya tujukan kepada Ahli Yang Berhormat dari Besut yang telah mengatakan denda yang telah di-kenakan mengikut Undang² ini ada-lah sangat rendah, harus-lah di-tinggikan lagi. Saya suka menyatakan di-sini, ia-itu perkara ini saya akan timbangkan nanti, tetapi wajib juga saya terangkan ia-itu sa-lain daripada denda yang di-kenakan yang sa-habis tinggi-nya ia-lah sa-banyak \$5,000, harus juga kita sedar bahawa ada satu penalti yang lebeh kuat lagi, ia-itu jel sa-lama dua tahun dan ini pada perhatian saya ada-lah lebeh berat lagi daripada \$5,000 yang di-kenakan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor meminta supaya pegawai² yang akan menjalankan Undang² ini nanti memberi perhatian yang istimewa terhadap barang² makanan. Saya memang menyokong hal ini dan boleh saya beri pengakuan di-sini bahawa ini akan di-jalankan.

Ahli Yang Berhormat dari Kubang Pasu Barat bagitu juga Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara telah menyebutkan berkenaan dengan barang² yang di-sebutkan "Di-tanggong halal", tetapi yang sa-benarnya tidak halal daripada segi ugama, maka perkara ini, saya akan ambil ingatan, tetapi sa-takat yang saya tahu, mithal-nya daging

kambing yang di-bawa masuk daripada luar negeri memang ada peratoran² yang tertentu, yang di-jalankan oleh sharikat² yang berkenaan supaya perkara ini sa-benar-nya ia-lah halal. Bagitu juga Aji-No-Moto, yang saya tahu; dia telah menjemput Kadhi dan sa-bagai-nya untuk pergi melihat di-tempat kilang mereka itu supaya mereka itu dapat sahkan bahawa apa yang di-jalankan di-sana ia-lah sa-benar²-nya halal mengikut ugama Islam.

Ahli Yang Berhormat dari Mukah telah menyebutkan berkenaan dengan champoran sagu, yang di-champorkan antara nombor satu dengan nombor dua, yang membawa kapada kurang mutu-nya dan dengan sebab kurang mutu-nya maka ia bertambah kotor dan juga bertambah turun harga pasaran sagu² itu. Saya suka menyebutkan bahawa perkara ini saya akan mengadakan siasatan yang penoh.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun telah menyatakan bahawa apa yang perlu ia-lah implimentasi bagi gudang² ini dan ramai juga Ahli² yang lain yang telah berchakap dalam soal implimentasi ini dan saya suka tegaskan di-sini bahawa saya akan menjalankan segala yang boleh supaya implimentasi Undang² ini akan berjalan dengan kuat dengan kita tidak peduli siapa pun, kalau-lah mereka itu membuat salah, kita akan mengambil tindakan mengikut Undang² itu.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun juga, sungguh pun ini tidak bersangkut dengan Undang² yang kita bincangkan sekarang ini telah lagi sa-kali membawa perkara harga barang² daripada luar dan juga dalam negeri, yang kadang² lebeh mahal daripada masa yang sudah² dan saya telah menjawab dengan lebeh panjang pada masa yang sudah² dan saya akan dapat peluang nanti dalam membahathkan perkara² yang lain untuk menjawab lebeh panjang lagi dalam perkara ini, tetapi tentang apa yang di-sebutkan berkenaan dengan batek Siam yang datang, yang di-seludop masuk ka-negeri kita, itu memang saya sudah faham benar dalam perkara ini dan satu daripada tugas task force yang saya telah lantek baharu² ini untuk memeriksa berkenaan perusahaan batek itu ia-lah akan menyiasat juga perkara penyeludupan batek Siam ka-negeri Kelantan.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara membangkitkan berkenaan dengan sadin,

dan perkara² yang lain, bagitu juga saya akan mengadakan penyiasatan yang lengkap.

Ahli Yang Berhormat dari Labuan-Beaufort telah juga menyebutkan berkenaan dengan penipuan oleh pekedai² ia-itu tipu-helah yang telah di-jalankan oleh ahli² perdagangan dan saperti mana yang saya telah nyatakan tadi dalam jawapan saya kapada Ahli Yang Berhormat dari Mukah. Ini saya akan mengadakan penyiasatan yang dalam.

(Dengan izin) I would like to reply briefly to the various points raised by the other Honourable Members who spoke in English. First of all, the Honourable Member for Dato' Kramat again mentioned the question of implementation. I would like to once again inform the House that I shall direct my officers who are vested with the powers under the law to carry out the spirit of the law without fear or favour. We have already, as this House is aware, established an Enforcement Unit which could form a nucleus to help in the enforcement of the provisions of the law that is proposed in this House.

In reply to the Honourable Member for Pulau Pinang Utara, who again mentioned the question of legislation and also implementation, I do not want to repeat the same answer but I would like to tell him that I myself would agree, if the Treasury so agrees, to have our own Chemistry Laboratory in order to be able to take early and effective action wherever such cases crop up but that is a matter which we have to take up because it concerns finance.

On the question of advertisements which appear on T.V. concerning patent medicine and so on, we have no control over that, but as Honourable Members are aware there is a Food and Drugs Law which can look after those advertisements which mislead the consumers.

So many Members mentioned Clause 14. Clause 14 actually is intended to cope with false indication of price, or price reduction or cheap sale and not against any genuine reduction. Now, I would like here also to reply to the point raised by the Honourable Member for Miri-Subis who alleged that this Section would be contrary to the spirit of free enterprise. I can assure the Honourable Member for Miri-Subis and also other

Members who raised this point that it does not in any way interfere with the spirit of free enterprise because I know myself of so many other countries practising free enterprise having this kind of law.

The Honourable Member for Miri-Subis also raised the question of consultation with Chambers of Commerce. It is normal for us to have representatives of Chambers of Commerce whenever we draft laws which concern them, and it is also normal for us to consult them wherever possible, but in any case, these laws are published in the *Gazette* and if they have any representations to make they are always at liberty to write letters to us or put forward their representations verbally. In this particular case, I can assure him that this has the support of the Chambers of Commerce.

The Honourable Member for Miri-Subis also mentioned the question of Clause 3(1). He asks whether it is an offence for any advertisement concerning theatrical performance. I am afraid that Clause 3(1) makes it an offence for any person in the course of a trade or business to apply for a false trade description of goods and "goods", I am afraid, does not cover services and, therefore, it is quite all right for the Honourable Member, if he wants and if he has got a stage show, to put up such a publicity. In the same way, I think any girl can put up publicity to say that she has got a 36" bust, but there is no one who can question her or who can prosecute her maybe on the grounds that perhaps on examination it is found that she has only a 30" bust, for example. (*Ketawa*)

The Honourable Member for Bungsar raised the question as regards Clause 28(1), that is to say, on the entry into the premises. Now, the intention of the Assistant Controller under Clause 28 (1) is to enable him to enter such premises within reasonable hours. If it is necessary to enter an unoccupied premises, he is required under Clause 28 (2) to obtain a warrant from a magistrate, and in order to obtain a warrant, he must be able to satisfy the magistrate that there is reason to believe that an offence has been committed in the premises.

Now, the Honourable Member for Pulau Pinang Utara has raised another point concerning appeal to the Minister under Clause 33. I must say that in this particular

case every appeal case has got to be treated on its merit and in the case of seizure of goods, the goods themselves may sometimes be offensive, in which case it would not be possible for us to release them immediately.

The Honourable Member for Miri-Subis also raised the question of Clause 4 (5). Clause 4 (5) is intended to enable fair comments to be made in feature writings and in trade magazines and newspapers if possible.

I think I have replied to all the points raised. Once again, I would like to thank all Members for their support to this Bill.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*).

Fasal 1 hingga 39 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual Pertama dan Jadual Kedua di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² PEGUAMBELA DAN PEGUAMCHARA (PINDAAN)

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadang ia-itu bahawa Rang Undang² Peguambela dan Peguamchara (Pindaan), 1972 di-bacha pada kali yang kedua.

Dalam Meshuarat Agong Tahunan Peguam² Malaysia Barat yang di-adakan pada 12hb Februari, 1972 di-Kuala Lumpur satu daripada ketetapan² yang telah di-luluskan ia-lah untuk meminta Kerajaan supaya sekshen 25 (2) Ordinan Peguambela dan

Peguamchara, 1947 di-pinda untuk mengadakan peruntukan bahawa tiada sa-suatu perakuan untuk menjalan amalan boleh di-keluarkan oleh Pendaftar kepada sa-saorang Peguambela dan Peguamchara melainkan jika semua tunggakan yuran kepada Majlis Peguam dan kepada Jawatan-kuasa Peguam Tempatan yang berkenaan telah di-jelaskan oleh Peguambela dan Peguamchara itu.

Sebab-nya Majlis Peguam, sa-bagai suatu badan, terpaksa meluluskan ketetapan itu ia-lah kesukaran yang di-alami oleh Majlis Peguam dan Jawatan-kuasa Tempatan untuk memungut yuran yang kena di-bayar oleh ahli² Majlis Peguam yang menjalankan amalan di-Malaysia Barat. Perbincangan penoh atas masaalah ini telah di-adakan dalam Meshuarat Agong Tahunan yang tersebut di-atas dan sa-bilangan besar daripada ahli² bersetuju bahawa hanya ada satu jalan sahaja bagi memastikan supaya yuran itu di-bayar pada waktu-nya yang tepat ia-itu dengan menjadikan pembayaran yuran sa-bagai satu daripada syarat² yang hendak di-tunaikan sa-belum perakuan² untuk menjalankan amalan di-keluarkan oleh Pendaftar.

Majlis Peguam itu ia-lah suatu badan berkanun yang di-tubuhkan di-bawah Ordinan Peguambela dan Peguamchara, 1947 untuk menjaga hal ehwal dan tata-tertib ahli² Majlis Peguam di-Malaysia Barat. Tiap² loyar yang menjalankan amalan di-Malaysia Barat adalah sa-orang ahli Majlis itu di-bawah Ordinan itu. Bagaimana pun, menurut sekshen 25 Ordinan itu perakuan amalan ada-lah di-keluarkan kepada loyar itu tiap² tahun apabila di-patohi peruntukan dalam Kaedah² yang di-tetapkan di-bawah Ordinan itu. Peruntukan yang di-chadangkan itu ia-lah samata² suatu peruntukan tambahan yang hendak di-patohi sa-belum perakuan amalan tahunan di-bawah sekshen itu di-keluarkan kepada sa-saorang loyar.

Pindaan yang satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang di-chadangkan itu ia-lah kepada ta'arif "qualified person" (orang yang ber-kelayakan) dan kepada sekshen 5 Ordinan itu. Ordinan² saperti yang ada sekarang tidak membenarkan sa-saorang yang telah lulus Peperiksaan Akhir Undang² berlateh menjalankan amalan dalam Kamar (Chambers) sa-hingga sa-lepas Konvokeshen, ia-itu sa-hingga ia telah sa-benar-nya "di-anugerahkan" dengan ijazah. Manakala di-Singapura, undang² membenarkan tiap² orang yang

telah lulus Peperiksaan Akhir Undang² berlateh menjalankan amalan dalam Kamar (Chambers) dan dengan demikian mereka dapat menyelamatkan masa sa-lama empat hingga enam bulan yang mana, jika tidak, akan terbuang sahaja masa itu.

Pendek kata, tujuan pindaan² kepada undang² tersebut ada-lah saperti yang telah di-katakan dalam Huraian kepada Rang Undang² ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadang.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan R. C. M. Rayan (Ipoh): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, now I wish

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak beri izin berchakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan R. C. M. Rayan: Saya minta izin berchakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) I wish to welcome this Bill. Clause 2 of this Bill enables a person who has passed his final examination to read in Chambers before his convocation. I think it is a wise move because between the period of passing in his final examination and his convocation, he has to wait a long time. This is a very long wait and every day of his wait looks like waiting for one year. I, therefore, take it that it is a wise move on the part of the Government in having introduced this Bill.

On the question of the second amendment to Clause 3 of this Bill, which seeks to amend Section 25 of the Advocate and Solicitors Ordinance, 1947, relating to the issue of certificates to practise as an advocate and solicitor only upon production to the Registrar of the Supreme Court receipts showing that the lawyer has paid all his subscriptions to the Bar Council and to the Local Bar Committee where he is practising and is not in arrears with his subscriptions, I am fully satisfied that this amendment is introduced at the instance of the Bar Council at which I myself was present. Perhaps this will alleviate the difficulty of collecting subscriptions from members of the Bar Council, by sending reminders after reminders and even then some members of the Bar are totally indifferent and careless about

paying their subscriptions in time and this imposes a heavy duty on the Bar Committee and the Bar Council in carrying out their statutory duties. Perhaps if the members of the Bar again get together, they could subsequently join up together and pass another resolution repealing this law if it is found to be unworkable. Perhaps they may also seek another remedy and that is to do away with the subscriptions altogether if they want to and depend on donations from members of the Bar who are sufficiently well-to-do and in that way, they can circumvent this legislation also. So at the moment, I feel I must support this Bill which is for the benefit of all the members of the Bar and which will do a tremendous amount of good for the Bar Committee and for the Bar Council in collecting their subscriptions in time for carrying out their duties. Thank you, Sir.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: (*Dengan izin*) The Honourable Member for Ipoh, in supporting the Bill, explained in detail that he himself objected during the annual Bar Council meeting on this matter. I think I have clearly explained that this is the decision of the majority. It is rather surprising that members of the Bar cannot pay their subscriptions, which is only \$70 per year and because they found difficulty in collecting that they deem it fit to make it into law, almost compelling them to pay this \$70. It is rarely done in any other profession to collect subscriptions by means of law. The Honourable Member from Ipoh has disclosed in detail here all the difficulties of the members of the Bar, although members of the public consider members of the Bar as having a very lucrative profession. That is all my reply.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3—

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Pengerusi, saya mohon menchadangkan

bahawa Fasal 2 di-pinda menurut Kertas Pindaan yang telah di-edarkan kepada Ahli² Yang Berhormat seperti berikut:

Masukkan Fasal 2 (3) yang berikut—

“(3) Sekshen ini hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah mula berkuatkuasa pada 1 haribulan April, 1972.”

Insert the following Clause 2 (3)—

“(3) This section shall be deemed to have come into force on the 1st day of April, 1972.”

Tujuan pindaan ini, Tuan Pengerusi, ia-lah memberi kechepatan dan peluang kepada mereka² yang telah lulus dan sekarang sedang berlatih di-Chambers didalam negeri kita ini.

Dengan di-kebelakangan haribulan ini, mereka ini mendapat faedah daripada pindaan ini.

Pindaan di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Fasal 1 hingga 3 sa-bagaimana yang di-pinda di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

USUL²

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10), 1972

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kepada-nya oleh sekshen kecil (2) dalam Sekshen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10), 1972 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. 65 tahun 1972 di-sahkan.

Perintah ini di-buat untuk tujuan² berikut:

- (i) Untuk mengasingkan “plates and sheets of plastic” yang jatuh dibawah Nombor Kepala 39.02 990 daripada “rigid plates and sheets of plastic not reinforced with paper or

textile" dengan memberikan Nombor Kepala baharu 39.02 930 kepada barang yang terkemudian itu. Pada masa ini "rigid plates and sheets of plastic not reinforced with paper or textile" ada di-usahakan di-dalam negeri ini dan oleh itu untuk memberikan perlindungan kepada perusahaan ini, maka ada-lah di-chadangkan supaya barang yang tersebut ini yang terjatoh di-bawah Nombor Kepala 39.02 930 di-kenakan chukai impot sa-banyak 25% *ad valorem* atau 35 sen sa-paun yang mana lebih tinggi. Barang² yang terjatoh di-bawah Nombor Kepala 39.02 990 akan terus di-kenakan chukai impot mengikut kadar 25% *ad valorem*.

- (ii) Untuk mengasingkan "paper-based asphalt roofing" daripada bahan² "roofing" yang lain yang terjatoh di-bawah Nombor Kepala 48.07 490 dengan memberikan-nya Nombor Kepala 48.07 450. Sekarang ini "paper-based asphalt roofing" ada di-usahakan di-dalam negeri ini dan untuk melindungi-nya ada-lah di-shorkan supaya chukai impot sa-banyak 5 sen sa-paun di-kenakan ka-atas barang² ini. Pada masa ini "paper-based asphalt roofing" tidak di-kenakan apa² chukai impot.
- (iii) Untuk mengasingkan "terup China yang mempunyai 112 helai daun" daripada lain² jenis daun² terup dan mengenakan ka-atas-nya chukai impot tertentu sa-banyak 60 sen ka-atas tiap² set satu dozen atau 5 sen tiap² satu set. Pada masa ini "terup China" jatuh di-bawah Nombor Kepala 97.04 190 yang meliputi semua jenis "daun terup" dan berchukai impot sa-banyak 15%. Oleh yang demikian untuk menentukan supaya chukai impot tertentu yang di-chadangkan ini hanya di-kenakan ka-atas "terup China" maka ada-lah di-shorkan supaya "terup China" di-perjeniskan di-bawah Nombor Kepala baru, ia-itu 97.04 120.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapada-nya oleh sekshen-kecil (2) dalam Sekshen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) 1972, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. 65 tahun 1972 di-sahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11), 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapada-nya oleh sekshen-kecil (2) dalam Sekshen (11) Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11), 1972 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. 66 tahun 1972 di-sahkan.

Perintah ini di-buat untuk mengenakan chukai impot sa-banyak \$100 satu tan ka-atas semua "shapes and section of iron or steel" berukuran 5 mm atau kurang yang jatuh di-bawah Nombor² Kepala 73.11 121, 73.11 291, 73.15 613, 73.15 615, 73.15 633 dan 73.15 635. Ia bertujuan untuk memberikan perlindungan tarif kapada pengusaha² tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapada-nya oleh sekshen-kecil (2) dalam Sekshen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11), 1972 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. 66 tahun 1972 di-sahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12), 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapada-nya oleh sekshen-kechil (2) Sekshen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12), 1972 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. 67 tahun 1972 di-sahkan.

Perintah ini ada-lah di-buat oleh sebab² yang berikut:

- (i) menaikkan chukai impot ka-atas "cocoa paste" yang jatuh di-bawah Nombor Kepala 18.03 000 daripada 15 sen sa-paun kapada \$1.60 sa-paun. Ia bertujuan memberikan perlin-dongan kapada perusahaan tempatan.
- (ii) mengenakan chukai impot sa-banyak \$30 satu cwt. ka-atas "instant oats" supaya ia tidak akan mengancham perusahaan "rolled oats" yang terdapat di-dalam negeri ini. Pada masa ini "rolled oats" yang jatuh di-bawah Nombor Kepala 11.02 401 dan 11.02 409 di-kenakan chukai impot sa-banyak \$30 satu cwt. sedangkan "instant oats" tidak di-kenakan apa² chukai impot.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapada-nya oleh sekshen-kechil (2) Sekshen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12), 1972 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. 67 tahun 1972 di-sahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 5), 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapada-nya oleh sekshen-kechil (2) Sekshen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 5), 1972 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. 68 tahun 1972 di-sahkan.

Perintah ini ia-lah untuk melanjutkan chukai² impot ka-Pulau Pinang atas:

- (i) "rigid plates and sheets of plastic, not reinforced with paper or textile" yang jatuh di-bawah Nombor Kepala 39.02 930;
- (ii) "paper-based asphalt roofing" yang jatuh di-bawah Nombor Kepala 48.07 450;
- (iii) barang² "pewter ware" yang jatuh di-bawah Nombor² Kepala 80.06 100 dan 80.06 200; dan
- (iv) "terup China yang mempunyai 112 helai daun tiap² satu set", yang jatuh di-bawah Nombor Kepala 97.04 120.

Ia bertujuan untuk memberi perlindungan tarif kapada perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Peter Paul Dason: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I rise to oppose this motion but I do not wish to dwell on the points that I have previously raised on other occasions.

Mr Speaker, Sir, the Finance Minister has stated in this House previously that the entrepot trade of Penang has not been affected by the slow erosion of the free port status. It is very clear, Mr Speaker, Sir, that the Ministry of Finance has decided that by stages it will completely remove the free port status of Penang. The question must therefore arise, Mr Speaker, Sir, whether the trading economy of Penang can survive without this free port status.

Mr Speaker, Sir, the Penang Chinese Chamber of Commerce recently came out to ask that the free port status of Penang be restored and also the Chairman of the Penang Chamber of Commerce stated that the loss of the free port status of Penang has done considerable damage to the economy of the State. These people, Mr Speaker, Sir, are closely involved with the economic situation of the island. They are involved intimately and they have a very clear picture of the damage that is being done to the economy of the State. This is a very serious matter because it concerns the livelihood of the people on the island. I am quite well aware that the Honourable Deputy Minister would state that there are free trade zones, but Mr Speaker, Sir, these free trade zones are all on paper only. Free trade zones are not as yet functioning. Zoning an area and calling it a free trade zone area where free trade can take place does not bring it about. The infrastructures are not there, the godowns are not there, nothing is there and therefore free trade zones which are supposed to compensate for the loss of the free port status do not do what they are intended to do because they are not operational as yet. It is for that reason, Mr Speaker, Sir, that I have on previous occasions arisen in this House and asked on a number of occasions that till the Island of Penang is given an alternative means of keeping its economy ticking, the Ministry of Finance should not add further items at each session of Parliament and add further items into the Common Customs List because the trade in Penang has been falling—the figures show that. In this respect, Mr Speaker, Sir, I feel that the Ministry of Finance should at least go some way to keep the promises that have been made to the people of Penang by the Alliance Government on many occasions. Therefore I propose, Mr Speaker, Sir, that a Joint Committee of the Federal and State Governments be formed and that this Committee should hold public hearings in the State of Penang to obtain the views not only of the various Chambers of Commerce in Penang but of the people of Penang on this particular issue and perhaps find ways and means whereby the interest of industrialists who put up factories in other parts of Malaysia and the interest of the people of Penang can coincide and find ways and means whereby the trading economy of Penang will not be so badly affected as it is now. The Minister of Finance

has admitted that the economy of Penang has suffered greatly and that he would give sympathetic consideration to the plight of the people of Penang, but since his utterance sometime in March this year, all that has happened is that he has declared a certain area, what is known in Penang Weld Quay as a free trade zone. When that free trade zone will come into existence and become operational is another matter again. So, I hope that the Government would seriously consider my proposal of forming a joint Federal and State Special Committee to look into this matter.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, bantahan daripada Ahli Yang Berhormat itu memang-lah perkara biasa dan perkara yang telah lama dan chuma ada satu sahaja hujjah baharu. Ahli Yang Berhormat itu berkata perdagangan entreport Pulau Pinang dapat di-hidupkan balek kalau dipulangkan balek status pelabohan bebas atau pun free port Pulau Pinang. Kalau untuk entreport trade atau perniagaan entreport ini, maka perkara ini akan di-lindungi di-bawah Free Trade Zone. Soal bila Free Trade Zone ini berjalan, ini ada-lah soal implementation atau perlaksanaan, tetapi pada prinsip-nya soal entreport trade ini ada di-kelolakan didalam kawasan Free Trade Zone. Hujjah yang mengatakan Pulau Pinang seluruh-nya tidak patut di-kenakan chukai oleh kerana akan melibatkan entreport trade ada-lah tidak berasas sama sa-kali. Kalau-lah Ahli Yang Berhormat itu berkata dia hendakkan tidak mahu di-kenakan chukai atas barang² dan dia tidak mahu bayar chukai itu ada-lah soal lain.

Yang kedua-nya, kerjasama antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang ada-lah berjalan dengan baik pada hari ini dan oleh kerana itu shor Ahli Yang Berhormat itu ada-lah tidak berkenaan.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapadanya oleh sekshen-kecil (2) Sekshen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 5), 1972 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. 68 tahun 1972 di-sahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan)
(No. 6), 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapadanya oleh sekshen-kecil (2) dalam Sekshen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 6), 1972 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. 69 tahun 1972 di-sahkan.

Perintah ini di-buat untuk melanjutkan chukai impot ka-Pulau Pinang atas "shapes and sections of iron or steel" berukuran 5 mm atau kurang di-bawah Nombor Kepala 73.11 121, 73.11 291, 73.15 613, 73.15 615, 73.15 633 dan 73.15 635 yang telah di-luluskan oleh Majlis ini tadi. Tujuan²-nya ada-lah sama, melainkan ia di-kenakan ka-Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapadanya oleh sekshen-kecil (2) dalam Sekshen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 6), 1972 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. 69 tahun 1972 di-sahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan)
(No. 7), 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapadanya oleh sekshen-kecil (2) dalam Sekshen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 7),

1972 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. 70 tahun 1972 di-sahkan.

Tujuan Perintah ini ada-lah serupa dengan tujuan² Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12) 1972 yang telah di-luluskan oleh Majlis ini tadi, melainkan ia di-kenakan ka-Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua saya mohon menhadangkan.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapadanya oleh sekshen-kecil (2) dalam Sekshen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 7), 1972 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. 70 tahun 1972 di-sahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13), 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapadanya oleh sekshen-kecil (2) dalam Sekshen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13), 1972 yang di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. 71 tahun 1972 di-sahkan.

Perintah ini di-buat untuk tujuan² berikut:

- (i) Pertama-nya, memberikan Nombor Kepala baharu ia-itu 73.20 200, kapada "tube dan pipe fittings" daripada besi dan besi waja yang internal diameter-nya kurang daripada 6 inci" dan mengenakan ka-atas-nya chukai impot sa-banyak \$500 sa-tan. Ini ia-lah untuk memberikan perlindungan tarif kapada pengusaha² tempatan. Lain² jenis "tube dan pipe fittings" di-bawah Nombor Kepala 73.20 900 akan di-kekalkan tanpa berchukai impot.

(ii) Kedua-nya untuk memberikan Nombor Kepala 84.61 110, kepada "manually operated sluice valves with inlet or outlet yang internal diameternya lebih daripada 2 inchi tetapi kurang daripada 6 inchi" dan mengenakan ka-atas-nya chukai impot sa-banyak 20% *ad valorem*. Ia bertujuan memberikan perlindungan kepada perusahaan tempatan. Lain² "valves" akan di-kekalkan di-bawah Nombor Kepala 84.61 190 tanpa berchukai impot.

(iii) Ketiga-nya untuk mengenakan chukai impot sa-banyak 45% *ad valorem* atau \$15 tiap² satu yang mana lebih tinggi ka-atas rice cookers yang terjatoh di-bawah Nombor Kepala 85.12 520. Dahulu-nya rice cookers chuma di-kenakan chukai impot 45% *ad valorem* sahaja. Ini juga bertujuan memberikan perlindungan kepada perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-
chadangkan.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapada-nya oleh sekshen-kecil (2) dalam Sekshen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13), 1972, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. 71 tahun 1972 di-sahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 8), 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-
chadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapada-nya oleh sekshen-kecil (2) dalam sekshen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 8), 1972 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. 72 tahun 1972 di-sahkan.

Tujuan Perintah ini ada-lah serupa dengan tujuan² Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13), 1972 yang baharu saja di-luluskan melainkan ia di-kenakan ka-Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-
chadangkan.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapada-nya oleh sekshen-kecil (2) dalam Sekshen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 8), 1972 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. 72 tahun 1972 di-sahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.14), 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-
chadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapada-nya oleh sekshen-kecil (2) dalam Sekshen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14), 1972 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. 73 tahun 1972 di-sahkan.

Perintah ini ada-lah di-buat oleh sebab² berikut:

(i) Pertama-nya memberikan Nombor Kepala baharu, ia-itu 73.17 100 kapada tiub dan paip yang berukuran tidak lebih daripada 6 kaki panjang dan menurunkan chukai impot ka-atas-nya daripada \$400 sa-tan kapada \$250 sa-tan. Pada masa ini semua "tiub dan paip daripada cast iron" ada-lah di-perjeniskan di-bawah Nombor Kepala 73.17 900 dan di-kenakan chukai impot sa-banyak \$400 sa-tan. Tetapi ada-lah di-dapati bahawa tiub dan paip yang berukuran tidak lebih daripada 6 kaki panjang tidak dapat di-bekalkan oleh pembuat²

tempatan dengan memenohi "specifications" yang di-kehendaki. Ini memaksakan sharikat² pembena rumah mengimpot tiub dan paip yang berkenaan ini dengan membayar chukai impot yang tinggi. Oleh yang demikian untuk mengurangkan beban ini, perlu-lah tiub dan paip yang berukuran tidak lebih daripada 6 kaki panjang diberikan satu Nombor Kepala yang baharu dan chukai impot yang berkurangan di-kenakan ka-atas-nya. Tiub dan paip yang berukuran lebih daripada 6 kaki panjang di-bawah Nombor Kepala 73.17 900 akan terus di-kenakan chukai impot sa-banyak \$400 sa-tan.

- (ii) Kedua-nya, untuk menggantikan Nombor Kepala 84.22 200 yang meliputi semua alat² dan mesin² pengangkat dengan Nombor² Kepala berikut:

- (a) 84.22 210 bagi electric hoists;
- (b) 84.22 300 bagi cranes, gantry and bridges;
- (c) 84.22 700 bagi lain² alat dan mesin pengangkat.

Alat² dan mesin pengangkat yang terjatoh di-bawah Nombor² Kepala 84.22 210 dan 84.22 300 yang kini ada di-usahakan di-sini, akan di-kenakan chukai impot sa-banyak 20% *ad valorem*. Chukai ini bertujuan memberikan perlindungan kepada perusahaan tempatan. Lain² alat dan mesin pengangkat di-bawah Nombor Kepala 84.22 700 tidak akan di-kenakan apa² chukai.

- (iii) Ketiga-nya, memberikan perlindungan tarif kepada perusahaan bateri tempatan. Pada masa ini bateri² yang bekas-nya di-perbuat daripada getah dan berukuran tinggi di-antara 5 inchi hingga 9 inchi di-berikan perlindungan sakadar 50% *ad valorem* atau 50 sen sa-paun yang mana lebih tinggi. Bateri² seperti ini terjatoh di-bawah Nombor Kepala 84.04 120, yang juga meliputi bateri² yang bekas-nya di-perbuat daripada plastik. Oleh kerana bateri berbekas plastik adalah lebih ringan daripada bateri² berbekas getah ada-lah di-dapati

bahawa kadar chukai yang di-sebutkan di-atas tidak dapat memberikan perlindungan yang di-kehendaki. Untuk mengatasi hal ini perlu-lah bateri² berbekas plastik di-berikan Nombor Kepala baharu, ia-itu 85.04 130, dan di-kenakan chukai impot sa-banyak 50% *ad valorem* atau 60 sen sa-paun yang mana lebih tinggi. Lain² bateri yang berbekas lain daripada plastik, yang akan di-berikan Nombor Kepala 85.04 190 akan terus di-kenakan chukai impot dengan kadar yang lama. Atas sebab² yang sama juga, bekas bateri yang di-buat daripada plastik akan di-berikan Nombor Kepala baharu ia-itu 85.04 920 dan di-kenakan chukai impot sa-banyak 60% *ad valorem* atau \$5 tiap² satu yang mana lebih tinggi. Barang² ini dahulu-nya terjatoh di-bawah Nombor Kepala 85.04 990 dan berchukai penoh 50% *ad valorem* atau 50 sen sa-paun atau chukai "istimewa" (ia-ini preferential) sa-banyak 35% *ad valorem* atau 35 sen sa-paun.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kepada-nya oleh sekshen-kecil (2) dalam Sekshen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14), 1972 yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. 73 tahun 1972 di-sahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang)
(Pindaan) (No. 9), 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kepada-nya oleh sekshen-kecil (2) dalam Sekshen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti

Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 9), 1972 yang di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang² No. 74 tahun 1972 di-sahkan.

Tujuan² Perintah ini ada-lah sa-rupa dengan tujuan² Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14), 1972 yang baharu sahaja di-luluskan melainkan ia di-kenakan ka-Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-beri kapada-nya oleh sekshen-kechil (2) dalam Sekshen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 9), 1972 yang di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. 74 tahun 1972 di-sahkan.

PENANGGOHAN

(Usul)

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan supaya Meshuarat ini di-tangguhkan sekarang.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCHAPAN² PENANGGOHAN

RUMAH² (QUARTERS) PEKERJA² KERETAPI DI-JALAN BUNGAR

Tuan Goh Hock Guan (Bungsar): (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, there are about 300 people living in the Railway Quarters along Bungsar Road who live in constant fear for their lives. The reason for this is that as Bungsar Road gets progressively widened, the row of Railway quarters get nearer to Bungsar Road which is probably the busiest road catering to the largest volume of traffic commuting between Kuala Lumpur, Petaling Jaya and Port Swettenham. Traffic jams and accidents occur frequently as a result and often lorries and cars smashed into the metal

fencing separating the houses from the road. It is easy to understand why these poor people live in fear when at any moment a car could literally land inside their homes.

I will cite specific cases for the Minister to investigate. First case, Sir, a certain R. Kannamah was recently injured in the leg in Block P when out of the blue her house door collapsed because a van had crashed into her house. The Government must give compensation to her and other similar cases. Second case, Enche' Abdullah bin Abdul Rahman of No. 5 Block P had a narrow escape from death when a lorry crashed nearby. Abdul Rahim aged 5, Mohd. Sopiee 11, and Royayatti were at their study corner reading the Koran when the accident occurred. They were next to the main door when parts of the roof and glass splinters landed all around. "Thank Allah for protecting them", their mother Che' Mashita binti Abdullah said. "It is a miracle that they escaped unhurt". And this, Sir, is fully documented in the *Malay Mail* dated July 25th which I shall hand over to the Minister. I therefore call upon the Minister immediately to attend to this life and death problem by:

- (1) Providing safer alternative accommodation to these unfortunate poor people who have served the Government and the Railway Department so loyally all these years.
- (2) Immediately build a stronger brickwall in the meanwhile to protect these 70 families from the terror of vehicles crashing into their homes and provide ventilation holes in the wall.
- (3) Immediately plant a row of flowering shrubs to relieve the ugly drab surroundings.
- (4) Clean the filthy choked-up drains behind the homes.

I would like, Sir, to know when the Minister could attend to these 4 measures I have proposed. This is a long-standing problem which has been raised here in Parliament from as far back as 1965. It is no use for Government to put up a pretty bamboo fence to hide the poverty and the squalor when Queen Elizabeth passed through Bungsar Road not long ago. The Government must think and act for the well-being and the safety of these people

who have been living and suffering here for years and will continue to do so if Government fails to act.

I will enclose here some photographs of the quarters which I shall pass over to the Minister later on. Thank you, Sir.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih di atas pandangan Ahli Yang Berhormat dari Bungsar yang takutkan orang banyak mati, hilang pengundi²-nya (voters), tetapi malang tidak berbau.

Yang sa-benar-nya, saya sa-bagai Menteri Perhubungan meminta kerjasama daripada beliau dalam waktu kita mengadakan Keselamatan Jalanraya, tolong-lah beri nasehat sa-berapa boleh-nya supaya kita jangan menchari bala. Malang tidak berbau, ini kuasa Tuhan. Tentang tembok, memang tembok itu kuat. Kalau tidak kuat, memang sudah habis di-lenjan semua sa-kali. Ini bukan sahaja di-kawasan itu, tetapi yang sa-benar-nya memang ada ranchangan di-situ. Yang sa-benar-nya ini bukan perkara baharu dan bukan pertama kali di-bangkitkan di-Dewan ini, tetapi Ahli Yang Berhormat dari Dato Keramat telah pun membawa perkara ini dahulu dan saya telah pun menerangkan bahawa Kementerian Perhubungan ada-lah sangat sedar atas keadaan Rumah² Keretapi di-Jalan Bungsar dan timbul daripada kesedaran ini-lah dan keinginan-nya untuk memberi tempat tinggal yang lebih selesa kepada kaki-tangan²-nya dan Pentadbiran Keretapi telah bertindak, bukan dudok diam, untuk membena sa-buah rumah pangsa yang mempunyai 96 yunit di-Bukit Bungsar yang menelan belanja sa-tengah juta ringgit. Sunggoh pun keadaan kewangan Pentadbiran Keretapi sangat genting yang mana kita telah rugi pada tahun yang lalu sa-banyak \$17 juta, tetapi soal ini ia-lah soal kebajikan, soal perumahan yang kita kena juga menadabirkan-nya. Itu-lah sebab-nya, sunggoh pun keadaan kewangan Pentadbiran Keretapi sangat genting, pembenaan rumah pangsa ini sa-patut-nya telah selesai, tidak-lah menjadi soal burok seperti ini, tetapi oleh kerana kontrekter tidak menyiapkan mengikut jadual dan kontrekter telah pun di-kenakan denda kerana lambat menyiapkan-nya.

Mereka yang menduduki di-rumah keretapi di-sepanjang Jalan Bungsar akan

di-pindahkan dengan sa-berapa segera ka-rumah pangsa yang 96 yunit itu apabila siap kelak dan saya harap Ahli Yang Berhormat dari Bungsar akan tengok sendiri, tidak payah lagi tengok gambar; hari² dia lalu di-situ boleh tengok.

Pentadbiran Keretapi juga sedang merancang untuk membena sa-buah lagi rumah pangsa di-tempat yang sama dan sekarang sedang memperolehi kewangan untuk-nya. Bukan ini sahaja dan hendak juga membena di-mana² juga rumah² yang di-timbangkan patut di-gantikan dengan yang baharu, yang burok sangat seperti di-Ipoh, di-Sentul dan di-tempat² lain juga. Kerana ranchangan ini, Pentadbiran Keretapi mesti mengator keutamaan yang ketat berpandukan kepada kemampuan kewangan-nya dan keadaan rumah tempat yang burok sa-kali, maka itu-lah yang akan di-perbaiki terlebih dahulu.

Pentadbiran Keretapi bukan-nya sahaja membena rumah² yang baharu bahkan juga sedang mengambil langkah² untuk memperbaiki, membesarkan dan memperelokkan rumah² yang ada, barangkali yang sudah lama tidak di-sapu kapor dan tidak di-chat. Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Bungsar akan memberi kerjasama-nya atas perkara ini. Terima kasih.

TANGGA-GAJI JURUTERA²— MENYUSUN SA-MULA

Tuan Loh Jee Mee (Batang Padang): Tuan Yang di-Pertua, terdapat kekurangan jurutera² yang banyak di-kalangan sektor² awam, tidak lain dan tidak bukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah mengumumkan pandangan berat-nya terhadap kekurangan ini yang menyebabkan terlambat melaksanakan projek² pembangunan Ranchangan Malaysia Kedua.

Tidak ada guna-nya membuat ranchangan² yang besar jika kita tidak mempunyai pakar² seperti jurutera², teknologjis dan teknishen, untuk menjalankan-nya.

Sebab² mengapa terdapat kekurangan jurutera² di-perkhidmatan² Kerajaan ia-lah kerana gaji yang burok untuk mereka. Surohanjaya Gaji Suffian tidak memberi apa² faedah kepada jurutera², walau pun untuk kategori² profeshenal yang lain mereka mendapat layanan yang baik—lebih

baik dari yang lepas. Ini-lah yang menyebabkan jurutera² bertukar tempat dari sektor² Kerajaan ka-sektor² persendirian.

Tuan Yang di-Pertua, Persatuan Jurutera telah berkali² membuat rayuan dan menghantar perwakilan kepada Kerajaan untuk mendapatkan gaji dan faedah² yang lebih baik, dan saya akan mendesak Kerajaan supaya mengambil tindakan dengan serta-merta untuk memberi kepada jurutera² ini layanan yang adil.

Kerajaan mesti-lah memberhentikan "brain-drain" dari sektor² Kerajaan ka-sektor² persendirian.

Kerajaan mesti-lah sedar yang jika ia tidak mempunyai pakar² teknikal yang berkelulusan tinggi, rancangan² pembangunannya tidak akan mencapai taraf yang di-kehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, hari itu, saya mendesak Kerajaan memberhentikan "brain-drain" ini sa-belum terlambat dengan chara mengulang-kaji tangga gaji jurutera². Terima kasih.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Hajj): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab apa yang telah di-ucapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang, saya suka menafikan apa yang di-katakan, ia-itu Kerajaan tidak menghiraukan apa² tegoran atau pun desakan² daripada pehak jurutera², ia-itu engineers.

Kerana-nya saya suka mengatakan Kerajaan telah membuatkan satu kajian baharu² ini, yang telah memberikan satu tawaran kepada pehak jurutera² yang professional, yang mana saya suka mengatakan dengan tawaran yang baharu ini Kerajaan telah mendapatkan response yang begitu baik dan sekarang ini telah membuatkan beberapa tindakan untuk menjalankan tawaran² yang telah di-hantarkan balek untuk bertugas. Saya suka menerangkan daripada asal, daripada awal, yang mana tajok Ahli Yang Berhormat tadi berkata, memintakan Kerajaan menyusun sa-mula tangga-gaji bagi jurutera.

Sa-belum Laporan Suffian di-laksanakan, tangga-gaji bagi jurutera² ada-lah seperti berikut:

\$628.00 buat permulaan, dan yang kedua \$662.00 sa-hingga tahun yang ketiga

\$696.00 $\times$ 34, ia-itu annual increment, sampai-lah \$934.00 dan ada bar di-situ dan tangga-gaji \$980.00 $\times$ 34-\$1,254.00.

Kerajaan telah menyusun sa-mula tangga-gaji bagi jurutera² apabila perakuan Suffian di-laksanakan ia-itu seperti berikut:

Buat permulaan ia-lah \$750 $\times$ 50 hingga sampai \$850 dan ada bar-nya. Dan tangga-gaji yang baharu ia-lah \$950 $\times$ 50-\$1,150 dan ada pula bar di-situ. Permulaan-nya yang baharu ia-lah \$1,300 $\times$ 50 ia-itu annual increment sampai \$1,500 dan lepas itu ada pula bar dengan kenaikan gaji ia-lah \$1,600 $\times$ 100 hingga \$1,800.

Dengan perlaksanaan Laporan Suffian, ini berma'ana tangga-gaji yang baharu ada-lah baik jika di-bandingkan dengan apa yang telah ada sa-belum Laporan Suffian itu, kerana buat permulaan²-nya pun ada baik-nya dan penghabisan-nya (maximum) gaji-nya ia-lah \$1,800.

Chalun² yang mempunyai pengalaman yang berkaitan sa-lama 2 tahun akan di-lantek atas tangga-gaji permulaan \$850. Sungguh pun begitu Kerajaan telah mengambil tindakan seperti yang saya katakan tadi, telah membuatkan satu tawaran baharu kepada jurutera² yang mana dalam pada itu sa-bagai satu langkah bagi menarek jurutera² berkhidmat dengan Kerajaan bagi tempoh² yang tertentu. Kerajaan telah menetapkan Syarat² Perkhidmatan kontrek seperti berikut:

(a) Gaji. Di-bayar gaji seperti berikut: Permulaan-nya \$750 seperti mana Laporan Suffian dan pada tahun yang kedua ada-lah di-naikkan gaji kepada \$1,100—tahun kedua. Ini sangat-lah tinggi apa yang telah di-buatkan, jikalau di-bandingkan dengan skim Suffian dan tahun yang ketiga ia-lah \$1,300 dan ada kali-nya pula, jikalau di-panjangkan perkhidmatan-nya \$50 hingga sampai \$1,500 dan bar pula \$1,600 $\times$ 100 hingga sampai \$1,800.

Gaji masuk ada-lah menurut pengalaman. Ini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengatakan dengan angka² yang saya terangkan dan saya sebutkan tadi ini telah menarek di-mana dengan tawaran² angka yang saya kata tadi buat masa sekarang ada-lah sangat menarek. Dan penerimaan daripada jurutera² yang sudi mengambil bahagian sa-bagai jurutera dalam perkhidmatan Kerajaan ada-lah sangat memuaskan hati.

Mungkin Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang tidak ketahui atas tindakan yang baharu di-buat oleh Kerajaan ini. Dengan keterangan dan penjelasan saya iri, saya rasa, bukan-lah sahaja Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang akan memuaskan hati, tetapi apa yang telah di-buktikan sekarang ini dengan tawaran² yang baharu bagi jurutera² ini telah menarek dan telah membuat sambutan yang hangat di-atas tawaran gaji yang telah di-beri oleh Kerajaan ini.

Sa-lain daripada syarat² (b) ganjaran, ia-itu di-berikan juga 15% daripada jumlah gaji yang di-bayarkan dalam tempoh kontrak di-tolak charuman bagi Kerajaan kepada Kumpulan Simpanan Pekerja² serta faedah² ka-atas-nya. Ini berma'ana kalau dia tamat perkhidmatan 3 tahun kontrak-nya itu di-bayar sagu hati ia-itu ganjaran 15% daripada gaji yang mereka itu dapat dalam masa perkhidmatan kontrak itu.

Dan (c) kemudahan² yang sama seperti yang di-beri kepada pegawai² Kerajaan dalam Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas seperti rumah Kerajaan, jika ada, chuti rehat, chuti sakit, elaun perjalanan dan kerja² luar. Kemudahan perubatan dan lain² menurut peratoran² yang sedang berkuat-kuasa.

(d) Sa-lama tempoh kontrak ia-lah pada kebiasaan-nya tiga tahun buat permulaan dan

jika perkhidmatan mereka itu maseh di-kehendaki kontrak mereka boleh di-baharu sa-lama 2 tahun lagi.

Dan (e) lain² syarat. Di-kenakan juga syarat² kontrak yang biasa berkaitan dengan tanggungan² pegawai² kontrak. Syarat² di-atas ada-lah juga di-lanjutkan bagi jurutera² yang telah meletakkan jawatan² Kerajaan, tetapi berhajat menyumbangkan perkhidmatan mereka buat beberapa ketika lagi.

Sambutan di-atas syarat² pendorong yang di-sebutkan ini seperti yang saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah menggalakkan dan memberikan sambutan yang hangat oleh jurutera² di-dalam tawaran² Kerajaan tadi.

Memandangkan kepada hakikat ini Kerajaan rasa saya tidak-lah perlu lagi membuat chadangan hendak menyusun sa-mula tangga-gaji bagi jurutera² pada masa ini. Saya rasa, dengan penjelasan saya ini, mungkin Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang tadi mungkin tidak mengetahui di-atas tindakan yang baharu ini, dan pada fikiran saya, dengan penjelasan saya ini akan memuaskan hati, mungkin juga soalan ini tidak akan di-timbulkan lagi. Terima kaseh.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ini di-tanggohkan sa-hingga pukul 2.30 petang esok, 9hb Ogos, 1972.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 7.40 malam.